# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 26 BILANGAN 15 | RABU 15HB APRIL, 1981. | 1401 دابو 10 ربيع الاخير | PERCHUMA

DALAM SA-MINGGU

## Polo Persahabatan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasokan Polo Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan telah mengalahkan Pasokan Polo Perth dari Australia 9-8 di-dalam satu perlawanan persahabatan di-Padang Polo Jerudong Khamis lalu.

## Tiba di-Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — TYT Yang Dipertuan Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Rahman Ya'akub dan YAB Ketua Menteri Sarawak baru, Datu Amar Haji Taib Mahmud, telah tiba di-sini kerana menghadhiri Istiadat Perkahwinan antara Yang Mulia Pengiran Anak Mastura binte Pengiran Pemancha Sahibul Rae' Wal-Mashuarah Pengiran Muda Haji Mohd. Alam dengan Yang Mulia Pengiran Yura Perkasa bin Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusoff.

## Rasmi Musabaqah

BANDAR SERI BEGAWAN. —Penasehat Umom Kebawah DYMM, YTB Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awg Haji Isa di-jangka akan merasmikan Musabaqah Al-Kor'an pasokan AMDB pada pukol 7.00 malam esok di-Pusat Latehan Perkhemahan Bolkiah.

## Nasehat Pulis

BANDAR SERI BEGAWAN. —Pehak Pulis telah menasehatkan para ibu bapa yang tinggal di-kampong2 ayer supaya jangan membiarkan anak2 mereka berkeliaran tanpa di-jaga atau pun di-perhatikan oleh mereka berikutan satu lagi kejadian mati lemas Rabu lalu.

Kejadian yang baru ini telah mengorbankan sa-orang kanak2 kechil berumor 18 bulan, Awang Mohammed Sani bin Tarsad yang di-dapati terapong-apong di-Kampong Saba Darat "A" pada jam 10.00 pagi hari tersebut.

## Seri 1 - 1

GADONG.— Perlawanan bolasepak di-dalam siri Piala Malaysia di-antara Pasokan Kebangsaan Negeri Brunei dan Kedah yang berlangsong di-Stadium Hassanal Bolkiah di-sini telah berkesudahan dengan keputusan seri 1-1. Keputusan seri ini telah meningkatkan mata kemenangan Brunei kapada 11.

# DYMM BERANGKAT BALEK DARI LAWATAN KA-INDONESIA



KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.

**BANDAR SERI BEGAWAN.— Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, pada hari Isnin lepas telah selamat berangkat balek ka-tanah ayer sa-telah lawatan tidak rasmi ka-Indonesia sa-lama lima hari.**

Dengan satu penerbangan khas Diraja Brunei, Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang juga di-sertai oleh Paduka Adinda2 Baginda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah telah berangkat ka-Jakarta pada hari Khamis, 9hb April yang lalu.

Sa-tiba di-lapangan terbang Indonesia, Baginda telah di-alu2kan oleh rombongan yang di-ketuai oleh wakil Presiden Indonesia, Tun Adam Malek dan Menteri Penyelarasan dan Keselamatan yang juga Pemangku Menteri Luar, General Maraden Panggabean. Juga turut serta ia-lah Duta British dan Duta2 ASEAN di-Jakarta.

### RAMAH MESRA

Dalam rangka lawatan Baginda ia-lah kunjongan serta ramah mesra dengan Presiden Indonesia, General Suharto. Kunjongan itu berakhir dengan pertukaran chenderamata.

Kemudian di-ikuti dengan lawatan mengunjongi wakil Presiden, Tun Adam Malek. Sekali lagi rombongan diraja telah bertukar2 chenderamata. Baginda dan rombongan juga mengunjongi General Panggabean.

Sa-masa kunjongan lima hari itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan rombongan juga telah di-raikan di-satu majlis jamuan. Baginda dan rombongan juga melawat tempat2 yang bersejarah di-Jakarta.

## Manis-nya Iman

"DUNIA ini suatu ke-nikmatan. Dan sa-baik2 kenikmatan dunia ia-lah isteri yang saleh."—HADITH Nabi riwayat Muslim daripada Abdullah bin Umar.

# *ISTIADAT BERSANDING TELAH SELAMAT SEMPURNA*



ISTIADAT BERSANDING antara Pengiran Anak Mastura bte YTM Seri Paduka Pengiran Pemancha Sahibul Rae' Wal-Mashuarah Pengiran Muda Haji Mohd Alam dengan Pengiran Yura Perkasa bin Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusoff; sementara gambar bawah di-antara para pembesar yang hadhir di-Istiadat Bersanding dari kanan : TYT Yang Dipertua Negeri Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Rahman Ya'akub, Isteri TYT Datin Patinggi Hajjah Normah, Pemangku Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awang P. H. Malcomson dan Penasehat Umom Kebawah DYMM, YTB Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa.



**BANDAR SERI BEGAWAN. — Istiadat bersanding bagi perkahwinan di-antara Yang Mulia Pengiran Anak Mastura bte Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Pemancha Sahibul Rae' Wal-Mashuarah Pengiran Muda Haji Mohammad Alam dengan Yang Mulia Pengiran Yura Perkasa bin Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusoff telah selamat di-langsongkan Sabtu lepas. Istiadat perkahwinan tersebut akan berakhir petang ini dengan sempurna-nya Istiadat Menutop Gendang Jaga-Jaga dan membacha do'a selamat.**

Hari yang paling meriah di-dalam jadual perkahwinan adinda bongsu kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dengan Yang Mulia Pengiran Yura Perkasa, telah berlangsong pada petang Sabtu lepas apabila kedua-dua mempelai itu menjalani Istiadat Bersanding di-kediaman pehak pengantin perempuan.

Turut berangkat di-Istiadat Persandingan itu ia-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin, ahli2 kerabat Diraja, Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Rahman Yaakub, Ketua Menteri Sarawak, Yang Amat Berhormat Datuk Amar Haji Taib Mahmud, para pembesar2 negara dan pegawai2 kanan Kerajaan.

Istiadat Bersiram Pengantin telah berlangsong petang kelmarin (Selasa), dan ini di-ikuti dengan Istiadat Pengantin Muleh Tiga Hari.

Pelita Brunei
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

15HB APRIL, 1981

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## LANGKAH MENSEBATIKAN KEISLAMAN KAPADA SAUDARA2 BARU

SA-TAKAT mengenai dengan saudara2 baru yang memelok Ugama Islam atau Muallaf kebimbangan sering di-ketengahkan dalam soal mensebatikan mereka itu dengan ajaran2 Islam. Ini mungkin berpuncha dari beberapa peristewa yang berlaku dalam mana saudara2 baru kita itu tidak mendapat perhatian yang wajar dalam soal2 bimbingan keugamaan dan kebudayaan Islam. Kemasokan saudara2 baru kita itu mempunyai sebab2 kepentingan persendirian yang kebanyakan-nya ada-lah kerana perkahwinan atau hendakkan sa-suatu dan menjadikan Islam itu sa-bagai paspot. Bertolak dari sini, soal2 bimbingan itu tidak mendapat tempat yang wajar dari kalangan yang mengIslamkan itu (bukan pegawai yang menerima ikrar Islam). Orang2 yang menjadi sebab yang bukan Islam itu masok Islam sepatut-nya menunjokkan tanggong-jawab2 dalam menimbulkan bimbingan2 tersebut, tetapi sebalek-nya mereka itu (sa-bahagian-nya) gagal memberikan bimbingan2 tersebut dan kerana itu-lah sering kita dengar istilah "Islam Mambangan". Demikian-lah antara yang tersirat dalam cherita2 lama berhubong dengan perkara tersebut. Dalam pada itu, tidak semua Muallaf yang dulu itu tidak dapat mensebatikan ajaran2 Islam dan kebudayaan Islam dalam diri-nya, malah ada yang lebeh "alim" dari orang2 Islam sendiri. Itu-lah satu zaman yang berlalu.

## DI-ZAMAN INI

KEADAAN begitu jauh melangkah dan perubahan begitu besar berlaku serta kesedaran begitu tinggi memunchak. Demikian dalam semangat kita menshi'arkan Islam. Status para Muallaf tidak saperti status orang2 asing, malah mereka telah dimasokkan sa-bagai gulongan saudara kita. Bila sudah menjadi saudara kapada kita, maka mata dan hati kita juga turut berkenyit dan berdegup untok melihat dan merasakan betapa perlu-nya mereka itu di-sebatikan dengan ajaran2 Islam dan kebudayaan kita. Bila ini kita sedar, maka ia memerlukan abolisi yang didampingi oleh stratiji yang boleh menimbulkan kekukohan pandangan dan perasaan mereka terhadap Islam yang mereka pelok. Ini-lah satu tugas kita yang memerlukan banyak pengorbanan dan memakan masa yang agak panjang, kerana soal meyakinkan ini bukan tugas entang-entangan atau simbat-simbatan dan tidak harus di-pikulkan bulat2 kapada Jabatan Hal Ehwal Ugama semata2. Pokok-nya, kita orang2 Islam sendiri perlu sedar akan langkah2 kita, kerana kita ada-lah guru kapada mereka dan mata dan hati mereka akan terus menyusuri kita.

Kerana itu, kita amat berbangga bila mengikuti kegiatan2 saudara2 baru kita itu yang tidak ditinggalkan dalam apa jua achara2 keugamaan. Mereka tidak merasakan terasing malah mereka ada-lah sesama Islam jua yang perlu melibatkan diri dalam sa-tiap kegiatan keugamaan saperti sambutan2 Maulud Nabi Muhammad s.a.w. dan dengan nyaring sama2 melaongkan Selawat Nabi s.a.w. dan turut sama dalam peraduan Nashid.

Pada 31hb Mei akan datang, mereka melangkah ka-satu babak yang besar dan menchabar kebolehan mereka dalam peraduan membacha dan hafadz Al-Kor'an (ayat2 lazim) yang di-kendalikan oleh Unit Dakwah Daerah Temburong dan ia-nya terbuka kapada seluroh saudara2 baru kita itu di-negeri ini. Mereka menginginkan peraduan sa-umpama ini diadakan dan bila ini timbul dari keinginan mereka, maka itu ada-lah suatu petanda betapa tebal-nya keyakinan mereka terhadap Islam dan ini ada-lah merupakan suatu kejayaan yang bukan tukar2an nilai-nya.

## CHERAMAH BERSIRI :

# KURSUS PENDAKWAH BAGI DAERAH TEMBURONG

### Oleh : Hj. Abd. Aziz Juned

Saya terlebeh dahulu menguchapkan terima kaseh kapada Yunit Dakwah Jabatan Hal Ehwal Ugama, yang meminta saya memberikan cheramah, yang di-namakan-nya sendiri sebagai KURSUS PENDAKWAH BAGI DAERAH TEMBURONG BAGI TAHUN 1981. Saya dengan tidak ada timbang terima, terus sahaja menyanggupi tugas ini, pertama kerana saya ingin menguji semula pengalaman saya selama beberapa tahun sebagai Penguasa Penerangan dan Tabligh, dan kedua kerana menganggap-nya suatu tugas wajib, yang tidak boleh di-tolak jika kita berupaya. Bukan-kah Allah berfirman :

ادْعُ إِلَىٰ سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ
وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَادِلْهُم
بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ
بِمَن ضَلَّ عَن سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ
بِالْمُهْتَدِينَ.

(النحل ايات ١٢٥)

Erti-nya : "Ajak-lah kapada jalan Tuhan engkau dengan chara hikmat (bijaksana) dan dengan nasehat2 yang baik dan bantah-lah mereka dengan chara yang baik. Sesungguh-nya Tuhan-mu lebeh mengetahui orang2 yang sesat dari jalan-Nya dan Dia-lah yang lebeh mengetahui orang2 yang mendapat Petunjok."

**Apa makna**

ادْعُ

Dari segi bahasa makna-nya : "Ajak-lah, atau seru-lah, atau panggil-lah, atau undang-lah!" Semua ini ada-lah "perentah" — fi'lulamri — ia-itu perbuatan suroh.

Menurut kaedah usulfeqh (ilmu asas perundangan), setiap "fi'lulamri" ada-lah menjadi "perentah wajib" yang mesti di-patohi, ia-itu selama mana tidak ada dalil2 lain yang memalingkan-nya dari wajib itu kapada sunat atau ibahah (boleh di-buat dan boleh juga tidak).

Kemudian wajib itu terbahagi pula kapada dua : Wajib 'Ain (fardhu 'ain) dan Wajib Kifai (fardhu kifayah). Perentah fardzu 'ain kita sudah tahu : tiap2 diri orang Islam yang chukup sharat2 taklif ada-lah wajib mengerjakan-nya, saperti sembahyang, puasa bulan Ramadhan dan lain2. Sementara perentah fardhu kifayah pula, chukup ada sa-orang di-dalam suatu tempat atau kelompok yang melakukan-nya, maka semua-nya terlepas dari dosa, saperti menyembahyangkan mayat dan lain2.



GAMBAR menunjokkan Ustaz Haji Abdul Aziz bin Juned, Pegawai Ugama Kanan, pencheramah khas dalam Kursus Pendakwah2 Daerah Temburong, Awang Haji Besar bin Abu Bakar sementara (tengah) ia-lah Pengerusi kursus, Awang Haji Abdul Rahman bin Khatib Haji Abdullah, ketika mengadakan cheramah di-Masjid Utama Mohd Salleh, Pekan Bangar, Temburong.

Demikian pula kerja menyampaikan dakwah asal-nya fardhu kifayah. Tetapi perlu di-ingat bahawa kewajipan ini sangat2 di-beratkan, mengingat kerana tiap2 orang itu bertanggong-jawab terhadap segala tindak tandok-nya sendiri, keluarga-nya dan lain2 sesuai dengan hadith :

كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّ رَاعٍ مَسْئُولٌ
عَنْ رَعِيَّتِهِ

"Tiap2 sa-orang dari kamu bertanggong-jawab di-dalam batas lingkongan masing2 terhadap orang2 yang di-bawah jagaan-nya."

Jadi berdasarkan ini, kerja dakwah itu janganlah di-samakan saperti menyembahyangkan mayat, chukup dengan sa-orang dua sahaja. Kerja dakwah ada-lah menghendaki penglibatan semua pehak jika boleh, dan mesti berjalan sechara terus-menerus.

2. CHARA2 MENJALANKAN DAKWAH.

Ada tiga chara menurut Al-Kor'an, ia-itu saperti yang di-sebut di-atas dalam Surah An-Nahl ayat 125. Ini-lah chara yang diajarkan oleh Allah kapada kita :

2: 1. بِالْحِكْمَةِ yakni dengan chara yang bijaksana. Bagaimana-kah yang di-kira bijaksana itu? Jawab-nya di-kira bijaksana itu ia-lah meletakkan sa-suatu pada tempat-nya. Tidak salah letak. Kalau berfikir, fikiran-nya itu terator dan bernas. Kalau berchakap, perkataan-nya benar, lanchar dan lunak, tidak kesat dan dusta.

2: 2. بِالْمَوْعِظَةِ yakni dengan chara memberi nasehat yang baik2. Tidak berguna sama sekali ugutan atau gertak. Chara yang kedua ini juga ada hubongan dengan yang pertama — menggunakan kebijaksanaan.

2: 3. وَجَادِلْهُم بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ yakni bantah atau tegorlah mereka itu dengan chara yang paling baik dan bertata-tertib, atau dengan istilah sekarang "berdiplomasi." Padatkan keterangan dan hujjah dengan dalil2 yang terang dan lojik, yang meliputi kedua2 sekali : "Dalil Akal dan Dalil Naqal". Erti-nya yang rengkas, kita atau pendakwah tidak boleh sama sekali berchakap kosong atau loyar burok, atau menjadi pelawak, walau pun itu kadang2 menarek hati.

Jangan di-abaikan sama sekali ketiga2 perkara chara ini, kerana dengan sendiri-nya ia menjadi sharat kapada dakwah yang berjaya. Jangan chuba2 ingin menchari kaedah sendiri, atau barangkali kita berfikir chara2 ini sudah tidak sesuai lagi, lalu kita tukar dengan kaedah lain, misal-nya dari nasehat dan pujokan kapada gertak dan paksa, atau dengan menabur janji2 indah walau pun tidak terpenohi. Perkara ini sunggoh terang salah-nya, bukan akan menjinakkan orang tetapi akan menambah lagi liar dan jauh-nya dari kita.

Tetapi apa yang tepat, misal-nya berkenaan dengan memberi janji. Bukan-lah janji mengadakan sa-suatu, tetapi memberi tahu berkenaan "janji Allah", yang di-panggil juga تَبْشِير (berita gembira bahawa Allah berjanji akan memberikan ganjaran ia-itu shorga yang penoh segala rupa nekmat di-dalam-nya) dan إِنْذَار (anchaman atau janji burok terhadap orang2 yang durhaka kapada Allah). Ini-lah yang betul. Atau dengan menghidangkan تَرْغِيب (sa-suatu yang menyukakan atau menggemarkan orang kapada-nya, misal-nya kenapa perlu kita beriman?. Kerana menurut janji Allah barangsiapa yang mati dalam iman orang itu masok shorga). Kemudian تَرْهِيب (sa-suatu yang mendatangkan gerun dan takut, misal-nya apa-kah balasan terhadap orang kafir?. Menurut Allah, semua dosa dapat di-ampunkan kechuali dosa menyekutukan Allah. dosa kerana kekafiran, sama sekali tidak akan berampun. Balasan-nya ada-lah mutlak : Neraka Jahanam).

(Bersambong)

# PERADUAN MEMBACHA AL-KOR'AN DEWASA BERMULA MEI DEPAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pertandingan Membacha Al-Kor'an perengkat dewasa bagi tahun 1981 anjoran Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei akan di-mulakan pada bulan Mei depan di-mana perengkat sa-negeri akan di-langsongkan pada 28hb. dan 29hb. Jun bertempat di-Kawasan Tanah Lapang berhadapan Masjid Omar Ali Saifuddin.

Jabatan Hal Ehwal Ugama pada tahun ini telah membuat beberapa perubahan sharat2 bagi memasoki pertandingan itu. Pertandingan akan di-adakan dalam tiga perengkat ia-itu perengkat2 kawasan, sa-paroh akhir dan akhir.

Bagi perengkat kawasan sa-tiap peserta yang memasoki peraduan mesti-lah raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang tinggal dalam kawasan tidak kurang dari enam bulan atau pun orang2 yang akan menetap di-kawasan itu untok masa yang tidak kurang dari 12 bulan.

Sementara bagi perengkat sa-paroh akhir negeri pula yang di-sifatkan sabagai satu pembaharuan yang di-lakukan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama mengenai pertandingan pada tahun ini ia-lah dimana sa-jumlah 40 orang termasok qari dan qariah di-ke-empat2 daerah akan bertanding. Peraduan saparoh akhir ini akan memileh empat orang qari dan empat qariah untok bertanding di-perengkat akhir.

Di-perengkat sa-negeri pula, sa-jumlah 10 orang peserta akan bertanding termasok dua orang johan menanti tahun lepas.

Masa membacha bagi perengkat kawasan ia-lah di-antara tujoh hingga sembilan minit; perengkat sa-paroh akhir antara lapan hingga 10 minit dan perengkat akhir pula ialah antara 10 hingga 12 minit.

Sa-seorang peserta akan di-kira tidak bertanding jika sekira-nya membacha tidak sampai ½ dari potongan ayat yang telah di-tentukan atau pun tidak sampai sa-paroh daripada masa membacha yang telah di-tetapkan.

Pemilehan bagi ayat2 yang di-tentukan oleh ahli2 jawatankuasa ia-lah tiga potongan ayat bagi qari dan tiga untok qariah, yang mana bebas di-pileh oleh peserta dan bagi perengkat sa-paroh akhir dan akhir pula akan di-tetapkan sa-banyak lima potong ayat untok qari dan lima untok qariah dan di-tentukan dengan chara undi.

Peserta2 tidak di-benarkan menukar bahagian surah yang telah undi dengan surah lain dan jika ini berlaku peserta itu tidak akan di-kira bertanding.

Umor bagi memasoki peraduan itu ia-lah tidak kurang dari 16 tahun bagi lelaki dan tidak kurang daripada 14 tahun bagi peserta perempuan dalam masa pertandingan negeri akan di-langsongkan.

Thema pertandingan Kor'an pada tahun ini ia-lah 'MEMELIHARA DIRI DARI DOSA ASAS KEBAHAGIAAN HIDUP'. — JAL

## Pembukaan Hari Pelajar

BANDAR SERI BEGAWAN. — Upachara majlis pembukaan rasmi Hari Pelajar bagi sekolah2 rendah dan menengah dan maktab2 seluroh negeri Brunei bagi tahun ini akan di-adakan pada hari Sabtu, 30hb. Mei mulai jam 8.30 pagi bertempat di-Pusat Tingkatan Enam, Gadong, Brunei.

Dalam satu kenyataannya, Pengarah Pelajaran menentukan bahawa semua sekolah2 dan maktab2 *tidak lagi* di-kehendaki mengadakan upachara majlis pembukaan rasmi Hari Pelajar, saperti di-tahun2 yang lalu.

Semua pengetua2 dan guru2 besar ada-lah di-kehendaki mengadakan hari pelajar di-sekolah2 dan maktab2 masing2 termasok juga mengadakan sokan ria khas untok Hari Pelajar bagi sekolah2 rendah yang mana akan di-mulakan pada 30hb. Mei hingga 31hb. Disember, 1981.

Thema hari pelajar bagi tahun ini ia-lah "MUTU PENDIDEKAN SEKARANG MEMBENTUK MASHARAKAT AKAN DATANG." Segala persembahan2, pertunjokan2 dan seumpama-nya hendak-lah berpandukan kapada thema di-atas dan sesuai dengan tujuan Hari Pelajar.

Pengarah Pelajaran mengatakan supaya sekolah2 dan maktab2 hendak-lah mengadakan Hari Pelajar pada hari kelepasan saperti hari Ahad dan Jumaat tetapi TIDAK mendapat chuti khas sebagai ganti, saperti tahun2 kebelakangan. — ZUB

## Berkursus



Lt Abdul Kadir



Sgt Pengiran Abdullah

BERAKAS. — Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei akan menghantar dua lagi anggota-nya ka-Hongkong Ahad depan, 19hb. April, bagi mengikuti satu kursus penempatan di-Record Office Brigade Gurkhas Gun Club di-Kowloon, selama empat hari bermula pada 21hb. April.

Pegawai2 tersebut ia-lah 139 Lt. Abdul Kadir bin Haji Metali dan 4788 Sgt. Pengiran Abdullah bin Pg. Maun dari Kompeni RHQ pasokan tersebut.

## Minggu Orientasi

BANDAR SERI BEGAWAN. — Minggu Orientasi Pusat Tingkatan Enam akan di-adakan sa-lama lima hari yang akan bermula pada 17hb. hingga 21hb. April. Timbalan Pengarah Pelajaran, Awg. Haji Suni bin Haji Idris akan merasmikan-nya sementara penutop-nya pula akan di-lakukan oleh Penolong Pengarah Pelajaran, Awang Dennis bin Hj. Rosli. — JI

# *Lawatan muhibbah ka-K-Lumpur dan Singapura*

BERAKAS. — Sa-rombongan 40 orang ahli2 Kesatuan Pegawai2 Rendah Kerajaan Negeri Brunei yang di-ketuai oleh Setia Usaha Agong Kesatuan itu, Awang Haji Ali bin Haji Nassar telah berlepas dari negeri ini pada hari Khamis lalu dalam rangka lawatan sa-lama lapan hari ka-Malaysia Barat dan Singapura.

Sa-masa di-Kuala Lumpur rombongan tersebut akan menjadi tetamu kapada Kesatuan Pekerja2 Keretapi Tanah Melayu. Sementara di-Singapura pula mereka menjadi tetamu Persatuan Kebudayaan Melayu Singapura.

Menurut Awang Hj Ali bahawa lawatan itu di-samping mengeratkan tali silatul-rahim dengan kesatuan2 kebajikan di-sana, ia-nya bertujuan untok meninjau sa-chara dekat tentang perjalanan dan perkembangan pentadbiran kesatuan2 di-negara itu.

**BAWAH kelihatan pegawai2 yang melakukan lawatan bergambar ramai sa-jurus sa-belum berlepas.**




# Lebeh tiga ribu di-sumbangkan untok mangsa2 kebakaran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pegawai2 dan kaki-tangan Jabatan Hal Ehwal Ugama Daerah Brunei dan Muara telah mendermakan sa-jumlah $1,710.00 kapada dua orang mangsa kebakaran.

Dua orang mangsa kebakaran itu kedua2-nya bekerja sa-bagai guru ugama dan telah kehilangan rumahtangga mereka di-Kampong Lamunin di-Daerah Tutong di-satu kebakaran baru2 ini.

Awang Yaakob bin Ismail telah menerima sajumlah $1,140.00 sementara Awang Sulaiman bin Rais menerima sumbangan sa-jumlah $570.00.

Penyampaian derma2 berkenaan telah di-lakukan oleh Setiausaha Jabatan Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abdullah bin Metassan bertempat di-jabatan tersebut di-sini pada hari Khamis 9hb. April yang lalu.

Sementara itu Majlis Ugama Islam telah juga mendermakan sa-jumlah $1,100.00 kapada mangsa2 tersebut di-mana Awang Yaakob bin Ismail menerima $800.00 manakala Awang Sulaiman Rais menerima $300.00.

Guru2 Ugama Daerah Tutong pula mendermakan sa-jumlah $850.00 yang membolehkan mangsa2 kebakaran menerima $425.00 tiap2 sa-orang.

Penyampaian2 kedua sumbangan derma itu telah di-langsongkan di-Pejabat Ugama Daerah Tutong pada hari Khamis lalu. Bagi derma Majlis Ugama Islam ia-nya telah di-sampaikan oleh Kadhi Daerah Tutong, Awang Bolhassan bin Haji Md. Jair sementara derma bagi guru2 ugama di-sampaikan oleh Awang Haji Zarkashi bin Haji Mohammad, Nadzir Sekolah2 Ugama Daerah Tutong. — JI

# Kursus bagi Pegawai2 Jabatan Kerajaan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pusat Latehan, Jabatan Perjawatan akan mengadakan dua kursus berasingan pada bulan ini. Kedua-dua kursus itu akan di-kendalikan oleh sa-orang pakar perunding dalam bidang pengurusan, Awang John D Brian yang telah di-undang khas dari England.

Kursus pertama akan bermula sa-lama dua hari pada 20hb hingga 21hb. April ia-itu dalam bidang Pengurusan, Pendorong dan kemahiran Pembentokan Satu Kumpolan Kerja.

Kursus ini akan di-hadhiri oleh 18 orang pegawai2 dari 16 buah jabatan kerajaan yang terdiri dari mereka yang memegang kelulusan HND, Kerani Tingkatan 1 dan Penolong2 Pentadbir.

Sementara kursus kedua 'Memperbaiki Chara Membuat Keputusan dan Mewakilan Kuasa' akan di-adakan pada 22hb hingga 23hb. April dan akan di-hadhiri oleh 12 orang Pegawai2 Pentadbir dari 11 buah jabatan2 kerajaan.—MHR.

## Ibu-bapa di-seru:

# JANGAN BIARKAN ANAK2 BERMAIN DI-TEPI JALAN-RAYA

Oleh: Ja'afar Ibrahim



YB Pehin Orang Kaya Seri Dewa Kolonel Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad menyampaikan hadiah kapada pemenang dalam bahagian C Awang Jaafar bin Jabidi.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dalam usaha untok mengurangkan kemalangan jalan-raya terus berlaku di-negeri ini, ibu-bapa ada-lah di-seru supaya jangan membiarkan anak2 mereka yang maseh kechil bermain2 di-tepi2 jalan-raya.

Di-samping itu mereka juga di-ingatkan supaya sentiasa mengawasi dan mengingatkan anak2 mereka supaya berhati-hati apabila menyeberang di-jalan2-raya yang sebok dengan kenderaan2.

Demikian ingatan yang di-buat oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Kolonel Dato Seri Pahlawan Hj. Mohammad bin Haji Daud, Timbalan Pemerentah Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei ketika beruchap sa-jurus sa-belum merasmikan pameran keselamatan jalan-raya yang telah di-adakan di-Dewan Bandaran di-sini pada hari Isnin 6hb. April yang lepas.



YB Pehin Orang Kaya Seri Dewa ketika beruchap di-majlis pembukaan rasmi.

## KECHUAIAN

Ini kata Yang Berhormat, memandangkan yang kemalangan jalan-raya yang berlaku pada masa ini kebanyakkan-nya mengakibatkan kanak-anak samada mereka terbunoh atau pun terchedera. Ini berlaku kerana tindakan mereka menyeberang jalan-raya dengan tidak memandang kiri dan kanan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa menjelaskan bahawa kemalangan jalan-raya sering berlaku di-negeri ini ada-lah di-sebabkan beberapa faktor antara-nya termasok-lah kechuaian pemandu2 itu sendiri, keadaan kenderaan yang tidak sempurna serta kesesakan2 jalan-raya yang sentiasa di-penohi oleh berbagai-bagai kenderaan.

"Ada-lah tidak dapat di-sangkal bahawa satengah pemandu2 di-negeri ini hanya mementingkan diri mereka sendiri tanpa menghiraukan kepentingan pemandu2 lain sa-olah2 jalan-raya itu di-anggap di-sediakan untok mereka sahaja," tegas Yang Berhormat itu lagi.



SA-BAHAGIAN daripada jemputan2 khas yang menghadhiri pembukaan rasmi pameran pada hari tersebut.

## PATOHI

Sedangkan tambah Yang Borhormat, apa yang di-harapkan peratoran2 jalan-raya itu mesti-lah di-patohi pada sa-tiap waktu untok menentukan keselamatan pengguna2 jalan-raya dan bukan hanya di-pelajari semata-mata untok mengambil ujian memandu kereta.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa juga mengharapkan kapada pemilek2 kenderaan di-negeri ini akan sentiasa memikul tanggong-jawab dan jangan sekali2 membiarkan kenderaan mereka chachat yang boleh membunoh.

Menyentoh mengenai dengan pameran keselamatan jalan-raya yang di-anjorkan oleh Majlis Keselamatan Jalan-raya Negeri Brunei Yang Berhormat itu menjelaskan bahawa ia-nya ada-lah semata-mata bertujuan untok mengingatkan pendudok2 dan raayat di-negeri ini supaya mematohi peratoran2 lalu-lintas jalan-raya.

Maka untok usaha itu juga, Yang Berhormat telah menyeru lain2 pertubohan di-negeri ini supaya mengambil langkah2 yang positif bagi membantu usaha2 Majlis Keselamatan Jalan-raya negeri ini pada mengurangkan kadar kemalangan jalan-raya terus berlaku dari semasa ka-semasa.

Di-sini persatuan2 belia, umpama-nya, tambah Yang Berhormat itu lagi, boleh memainkan peranan yang penting ka-arah usaha ini dengan menganjorkan cheramah2, simposium2 tentang keselamatan jalan-raya.

## PEMENANG

Peraduan melukis poster keselamatan jalan-raya pada tahun ini di-bahagikan kapada tiga bahagian ia-itu bahagian A, B dan C. Dalam bahagian A, penuntut dari Maktab Anthony Abell Seria, Awang Hambali bin Mohammad telah memenangi tempat pertama, kedua jatoh kapada Awang Suhardi bin Nordin dan ketiga ia-lah Dayang Masnah binte Sulaiman.

Sementara dalam bahagian B pula, Awang bin Awang Tuah dari Pusat Tingkatan Enam mendapat tempat pertama, kedua ia-lah Awang Tajuddin bin Timbang dan ketiga Ak Roslan bin Pengiran Bakar. Dalam kumpolan C, tempat pertama di-menangi oleh Awang Jaafar bin Jabidi, kedua ia-lah Suni Minggu dan ketiga ia-lah Ak. Mohiddin bin Pengiran Md. Daud.

Hadiah2 tersebut juga telah di-sampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Kolonel Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad bin Haji Daud.



YB ketika memerhatikan salah sa-buah gambar yang di-tunjokkan oleh Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei.



YB menerima penerangan dari Pengerusi pameran Awang Nordin bin Yusof mengenai dengan jalan-raya di-negeri ini sambil di-perhatikan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara Dato Paduka Haji Abdullah.

# PERHATIAN YANG DI-BERIKAN BAGI KANAK-KANAK CHACHAT



PENGIRAN Rohana bte Pengiran Temenggong Pengiran Haji Mohammad, yang mengendalikan Kelas Kanak2 Chachat di-Kelinik Kesihatan Kampong Sungai Kebun.



BANGUNAN Kelinik Kesihatan Kampong Sungai Kebun di-sebelah petang tiap2 hari Sabtu dan Isnin ia-nya di-gunakan sa-bagai tempat sementara Kelas Kanak2 Chachat.

**Oleh: Aisah Piee**

DI-SAMPING kita mengendalikan tugas sa-hari-an, ada baik-nya kita bersama merenung akan keadaan masharakat sa-keliling kita, terutama kapada mereka yang kurang bernasib baik.

Kurang bernasib baik yang kita maksudkan di-sini ia-lah orang2 yang lahir-nya dengan kechachatan semula jadi, atau yang menerima kechachatan sa-telah di-lahirkan. Mereka ini, saperti kita yang bertenaga dan berupaya mengendalikan sa-suatu mengikut kehendak sendiri, juga mempunyai kehendak2 dan chita2 yang serupa. Yang menjadi batas perbezaan-nya ia-lah kepinchangan yang terdapat pada diri mereka, sa-hingga mereka tidak berupaya bertindak dan mengendalikan sa-suatu kerja mengikut kehendak yang normal.

Sa-tentu-nya orang2 yang kurang bernasib baik ini menghendaki bantuan dari orang2 yang berupaya, bagi menolong-nya membena satu kehidupan yang lebeh bererti, atau sa-tidak2-nya memudahkan ia menjalani kehidupan-nya sa-hari2. Dan kita sa-bagai masharakat yang berupaya dan serba boleh di-sekeliling-nya, sa-patutnya memberikan sumbangan atau bantuan, agar mereka yang di-kumpolan orang2 yang kurang bernasib baik merasa diri-nya tidak terhindar dari masharakat sa-keliling-nya.

Sumbangan yang mereka perolehi dari orang ramai akan turut membantu-nya bagi mendapatkan satu kehidupan yang baik dan tenang, tanpa ada rasa kesal atau putus asa.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia menerusi Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan, sentiasa berusaha bagi membela nasib orang2 yang kurang bernasib baik ini. Usaha2 tersebut termasok-lah memberikan pelajaran yang sesuai bagi orang2 chachat serta pemulehan bagi mereka. Dalam menjayakan usaha2 tersebut, ia-nya tidak sahaja menghendaki tenaga2 dari pehak2 yang tertentu, malah usaha2 yang berkebajikan itu juga memerlukan kerjasama dari orang ramai.

## KELAS SUKARELA

Satu dari usaha kebajikan yang ketara pada kita masa kini ia-lah tertuboh-nya sa-buah kelas sukarela bagi kanak2 chachat, yang kini di-tempatkan di-Kelinik Kesihatan Kampong Sungai Kebun di-Kampong Ayer.

Walau-pun sa-takat ini, kita mendapati hanya sa-buah sahaja kelas sukarela yang di-tubohkan bagi kanak2 chachat, ada-lah di-harapkan agar inisiatif yang sa-demikian berterusan di-jiwa kita orang2 Brunei. Dengan tertuboh-nya kelas tunggal ini, moga2 ada lagi pehak yang bersimpati bagi memberikan kerjasama dalam usaha membantu memberikan pelajaran dan tunjok ajar kapada kanak2 tersebut.

Demikian-lah harapan pengasas kelas tersebut, Pengiran Rohana bte Pengiran Temenggong Pengiran Haji Mohammad, sa-orang Ketua Jururawat yang sentiasa bergiat dalam usaha2 kebajikan. Beliau pernah berkursus di-Pulau Pinang dan di-tempatkan di-tempat orang2 buta. Pengalaman Pengiran Rohana, yang kebanyakkan-nya berkisar di-sekitar orang2 yang kurang bernasib baik itu, memberikan azam pada-nya bagi menubohkan kelas kebajikan bagi kanak2 chachat di-Brunei.



SAPERTI juga kanak2 yang normal, kanak2 yang kurang bernasib baik ini juga berminat dalam pelajaran2 yang di-ajarkan kapada mereka. Kelihatan mereka sedang tekun melekat gambar di-kertas2 yang kosong.

## PENUBOHAN

Pehak PELITA berkesempatan menemui Pengiran Rohana di-Kelinik Kesihatan Kampong Sungai Kebun, di-mana kelas kanak-kanak chachat itu di-adakan di-sa-belah petang, tiap2 hari Sabtu dan Isnin.

Menurut beliau, Kelas Kanak2 Chachat itu tertuboh melalui satu Kursus Latehan Kerja Sosial dan Pembangunan Masharakat yang di-adakan dalam bulan Oktober, 1979. Kursus yang di-anjorkan oleh Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan itu di-hadhiri oleh 56 orang peserta, dan Pengiran Rohana di-pileh bagi mewakili Pertubohan Wanita Brunei.

Pencheramah dan pensharah2 dalam kursus tersebut ada-lah terdiri dari pencheramah dan pensharah tempatan, dan sa-orang pensharah dari Bangsa2 Bersatu, Dr. Angelina C'Almanzor. Antara 56 orang peserta kursus, 22 orang dari mereka terpileh bagi membangun satu badan, yang kini di-kenali sa-bagai Badan Kerja Sosial dan Pembangunan Masharakat.

Sa-tiap orang yang terpileh di-kehendaki menjalankan satu projek, yang tujuan-nya bagi membantu dan memberikan kebajikan kapada orang ramai dan pehak2 yang memerlukan bantuan tersebut. Dan Pengiran Rohana memileh kelas kanak2 chachat yang sedang di-kendalikan oleh beliau sekarang sa-bagai projek-nya.

## KELAS

Kini Kelas Kanak2 Chachat baru berusia satu tahun. Sa-takat ini, sa-ramai tujoh orang sahaja kanak2 yang mengikuti pelajaran dan tunjok ajar di-kelas2 tersebut. Kanak2 tersebut ada-lah kanak2 yang menderitai kechachatan mental dan "Spastic".

Di-kelas ini, mereka mengikuti tunjok ajar mengenai chara2 mengikat sepatu, melekatkan gambar, mewarna, menulis, dan sa-bagai-nya. Mengenai dengan jangka masa bagi mereka ini lebeh mengerti akan chara2 mengerjakan sesuatu, tertaklok kapada keadaan kanak2 tersebut dan kapada kerja2 yang mereka lakukan. Walau bagaimana-pun kelas ini berjaya mengajar kanak2 chachat yang menghadhiri kelas ini dalam melakukan kerja yang di-ajar kapada mereka.

## BANTUAN DAN PENYERTAAN

Semenjak penubohan-nya pada 4hb. Februari, 1980, Kelas Kanak2 Chachat di-bawah Skim Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan, pernah juga menerima bantuan kewangan dan material dari persatuan2 dan orang ramai, sa-lain dari bantuan dari Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan.

Dalam menjayakan dan menghidupkan terus kelas yang sudah tertuboh sekarang, peranan orang ramai sangat2-lah di-kehendaki. Kerjasama dari orang ramai dalam membantu perjalanan kelas ini sangat-lah di-perlukan, dan amat penting ia-lah peranan dan kerjasama dari ibu-bapa kanak2 chachat.

Sekali-pun telah di-sediakan guru2 bagi mengendalikan kelas ini, tenaga yang mereka berikan ada-lah sa-chara sukarela, dan sumbangan saperti ini-lah yang amat di-kehendaki. Apa yang di-harap2kan ia-lah semoga ada lagi penderma yang rela menghulorkan tenaga bagi membantu nasib kanak-kanak yang kurang bernasib baik ini.

Pengiran Rohana seterus-nya berharap kapada para ibu-bapa supaya sentiasa memberikan perhatian yang penoh terhadap kanak2 chachat dan kapada ibu-bapa yang mempunyai anak2 yang chachat pula beliau menyatakan yang peluang sedia terbuka untok mereka menghantar anak2 mereka mengikuti kelas2 pendidekan serupa ini.



PENGIRAN Rohana begitu tekun mengajar salah sa-orang dari kanak2 tersebut mengenai dengan chara2 menulis.



DIA juga memerlukan penghidupan saperti kanak2 lain. Pengalaman-nya menghadhiri kelas serupa ini, akan membantu-nya dalam kehidupan sa-hari2.





KERJA2 memberseh ada-lah juga melibatkan kerja2 mengangku t dan membuang. Atas, kelihatan di-atas lori pengangkut ia-lah Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein yang mengepalai gerakan tersebut. Sedang menolong kerja2 mengangkut bersama sukarelawan (di-kiri) ia-lah Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim dan Setiausaha Agong Majlis Belia2 Negeri Brunei, Awang Mustaffa bin Haji Abdul Rahman. Sementara gambar bawah ia-lah sa-orang dari sukarelawan sedang memotong bekas tiang rumah sa-belum membongkar-nya.

SA-BAHAGIAN besar dari sukarelawan ada-lah terdiri dari pendudok2 kampong. Kelihatan di-atas mereka sedang memotong dan membongkar bekas2 tiang rumah yang telah ranap. Sementara bawah salah sa-orang dari mereka kelihatan sedang membuka atap salah sa-buah rumah yang sa-bahagian besar-nya juga telah di-musnahkan oleh kebakaran tersebut.

# *Sukarelawan berseh bekas kebakaran*





AWAL bulan ini lebeh daripada 200 orang sukarelawan yang di-ketuai oleh Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein telah bergotong-royong membersehkan bekas kebakaran Kampong Sultan Lama, Bandar Seri Begawan.

Kerja2 yang sedang berjalan hingga sekarang ada-lah di-kelolakan oleh Persatuan Angkatan Pemuda Pemudi Kampong Sultan Lama (PAPP) dengan di-bantu oleh beberapa buah jabatan2 kerajaan termasok Jabatan2 Kerja Raya, Daerah Brunei-Muara, Bandaran serta firma2 dan kaki-tangan dari bahagian Kerahantenaga Awam Askar Melayu Diraja Brunei.

Antara yang melibatkan diri dalam kerja2 tersebut termasok-lah Pegawai Daerah Brunei-Muara, Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohd Jaafar, Pegawai Pentadbir Kanan Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Awang Sidek bin Yahya serta beberapa orang pegawai2 kanan kerajaan yang lain.

Kebakaran yang hampir memusnahkan keselurohan kampong tersebut telah berlaku pada awal bulan Februari lalu yang mana telah meranapkan lebeh 60 buah rumah dan menjadikan pulohan keluarga yang berjumlah kira2 1,000 orang telah kehilangan rumahtangga.— AHS.





TANPA memperhitongkan penat lelah mereka, orang2 kampong ini (gambar atas dan bawah) meneruskan kerja2 membongkar bekas2 bebe-rapa buah rumah yang tinggal rangka yang mana tentunya bukan-nya kerja yang mudah.





JABATAN Kerja Raya Brunei juga tidak kurang menyumbangkan banyak bantuan yang melibatkan tenaga pekerja dan jenteranya dalam gerakan memberseh itu. Di-atas ia-lah salah sa-buah jentera yang di-gunakan bagi membantu dalam mengumpol bekas2 kemusnahan sementara bawah ia-lah salah sa-buah lori jabatan tersebut yang di-gunakan mengangkut bekas2 rumah ka-tempat pembuangan yang di-khaskan.

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.

## RABU — 15HB APR.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 MEDITERRANEAN VENTURE
5.30 JOSIE AND THE PUSSY CATS IN OUTER SPACE
6.00 BERITA AWAL
6.05 REBECCA OF SUNNYBOOK FARM (Siri baru)
6.30 BENGKEL KANAK2
6.32 AZAN MAGHRIB/SELINGAN
6.40 BENGKEL KANAK2 — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 DALLAS — "Making Of A President"
J. R. bertindak memperbaiki imej dan penghidupan sosial-nya bila ia mengambil aleh semula Perusahaan Minyak Ewing yang di-serahkan oleh Bobby. Tindakan Bobby ini mengelirukan J.R. dan juga Pam yang di-temui oleh Sue Ellen sedang mengadakan pertemuan dengan sa-orang teman "business Lelaki". Ketegangan menyelubongi Southfork bila Miss Ellie tidak dapat memaafkan Jock kerana champor tangan-nya dalam kejadian2 baru2 ini dalam keluarga Ewing.
7.44 AZAN ISHA
7.48 DALLAS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
9.00 TOP RANK FIGHTS OF THE 70'S
9.50 MID WEEK MOVIE: "The Man"
11.20 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 16HB APR.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 BERITA AWAL
6.05 TOM AND JERRY
6.30 THE TOMORROW PEOPLE -- (siri terakhir)
6.31 AZAN MAGHRIB/SELINGAN
6.35 THE TOMORROW PEOPLE — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE CONDOMINIUM — (siri terakhir)
7.43 AZAN ISHA
7.47 THE CONDOMINIUM — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 HIDAYAT
9.00 DUNIA MINGGU INI
9.30 THREE'S COMPANY
10.00 THE OMEGA FACTOR — "Night Games"
Satu latehan rahsia yang berkesudahan dengan malapetaka, pendudok2 yang ketakutan dan saudara-nya didapati merayau di-pinggir bukit menyebabkan Tom menchari musoh lama-nya.
10.50 GREAT WESTERN THEATRE Prog. 16.
12.05 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 17HB APR.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 FOLLOW ME
5.15 CHILDREN'S SERIAL PACKAGE
5.30 SCOOBY DOO AND SCRAPPY DOO
6.00 BERITA AWAL
6.05 BISEKAN SEDAMAN
6.30 BARRIERS
6.31 AZAN MAGHRIB/SELINGAN
6.35 BARRIERS — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 POP IN GERMANY
7.43 AZAN ISHA
7.47 POP IN GERMANY — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MUDA BELIA
9.00 SOAP Ep. 17 —
Sa-lepas berada dalam kesugulan diatas penangkapan Jessica, Ingrid membuat lawatan yang menganchan The Tates, Eunice dan Ahli Kongres menerima nota peras ugut dan Lefkowitz bersetuju untok membiarkan Danny hidup dengan satu sharat.
9.30 BIG LEAGUE SOCCER
10.20 QUINCY — "Mode of Death"
11.10 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 18HB APR.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 BERITA AWAL
6.05 THE MERRIE MELODIES SHOW
6.28 BEWITCHED — Ep. 222 "Darrin Goes Ape"
6.31 AZAN MAGHRIB/SELINGAN
6.35 BEWITCHED — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 APHRODITE'S INHERITANCE
7.43 AZAN ISHA
7.47 APHRODITE'S INHERITANCE — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 INI-LAH LAGU KU (ulangan)
9.20 TAYANGAN GAMBAR MELAYU
11.10 LIFELINE — "Dr. Simon"
12.00 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 19HB APR.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 BRASS IN CONCERT — "Youth And Brass"
5.30 THE ADVENTURES OF SUPERMAN
6.00 BERITA AWAL
6.05 CHILDREN'S FEATURE
6.31 AZAN MAGHRIB/SELINGAN
6.35 CHILDREN'S FEATURE — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE INCREDIBLE HULK — "Deep Shock"
7.43 AZAN ISHA
7.47 THE INCREDIBLE HULK — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MUTIKA PERENGKAT AKHIR (Siaran langsong)
10.00 THE BOSOM BUDDIES — Ep. 8.
10.30 REBECCA Ep. 4 (Siri terakhir)
11.30 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 20HB APR.

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 FOLLOW ME
5.15 SUPER SEVEN
5.35 AUDUBON WILDLIFE THEATRE — "Enduring Wilderness"
6.00 BERITA AWAL
6.05 TARZAN — "A life for a life"
Dalam tempoh 24 jam Tarzan mesti mendapatkan sa-orang penderma darah (yang telah di-gigit oleh Lebah2 Mygak pada tahun lepas) untok menyelamatkan nyawa Jai, juga sa-orang mangsa Lebah2. Satu2-nya lelaki yang dapat menyelamatkan nyawa Jai ialah sa-orang banduan "martinet" yang enggan bekerja sama. Tarzan bukan sahaja di-kehendaki menyempurnakan pelarian banduan yang membahayakan itu, tetapi ia juga mesti mengembalikan-nya semula.
6.31 AZAN MAGHRIB/SELINGAN
6.35 TARZAN — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 CHARLIE'S ANGELS — "Street Models and Hawaiian Angels" (Bahagian 3)
7.43 AZAN ISHA
7.47 CHARLIE'S ANGELS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 THE ROAD TO WEMBLEY
9.40 HORIZON — "Crashing In The Ocean" (Siri baru)
10.30 240 ROBERT — "Stuntman"
11.15 SIARAN TAMAT.



**GARRY Walberg, sa-bagai Monhan (kiri) ketawa dengan Jack Klugman watak utama siri Quincy. Minggu ini siri Quincy bertajok "Mode of Death" yang di-tayangkan kira2 jam 10.20 minit malam.**

## SELASA — 21HB APR.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 THE NEW ADVENTURES OF BATMAN
5.30 THE SHARI SHOW
6.00 BERITA AWAL
6.05 BLAKE'S SEVEN
6.31 AZAN MAGHRIB/SELINGAN
6.35 BLAKE'S SEVEN — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 HILL STREET BLUES — "Film At Eleven"
Sa-orang "pontianak" dan sa-orang padri voodo menimbulkan masaalah Polis Hill Street tetapi ada pula kerja yang serious bila Furielo menemui senapang yang di-gunakan untok menembak dua orang polis.
7.43 AZAN ISHA
7.47 HILL STREET BLUES — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 ARENA SOKAN
9.00 BIG MOVIE: "The Odeal of Mr. Mudd"
11.00 DICKENS OF LONDON
11.50 SIARAN TAMAT.



KELIHATAN sa-bahagian dari peserta yang menjalani ujian sa-bagai pelakon drama radio.

# Bhg Drama Radio ketengahkan bakat2 baru

HAMPIR sa-ratus orang belia tanah ayer telah menghadhiri satu ujian lakunan drama radio di-Studio Radio Brunei baru2 ini. Ini berikutan dengan satu usaha Bahagian Drama Radio menchari bakat2 terpendam di-kalangan para belia kita untok memberikan satu wajah baru ka-atas ranchangan drama radio dan ranchangan2 lain yang berchorak drama.

Beberapa orang dari pemohon2 itu telah berjaya dan sejak dua atau tiga minggu kebelakangan ini mereka telah turut menjayakan ranchangan drama radio. Bahagian Drama radio akan berusaha melateh bakat-bakat baru ini menerusi penyertaan mereka dalam ranchangan2 drama atau berchorak drama yang di-terbitkan tiap2 minggu. Di-samping itu Radio Brunei akan mengundang dari masa ka-semasa tokoh2 drama untok memberikan keritik atau teguran membena ka-atas ranchangan drama radio ini. Dengan chara ini para pelakon akan dapat memperbaiki mutu lakonan mereka dari semasa kasemasa.

## intisari RTB minggu ini

### BINTANG R...

### Suku Ak...

### Daerah B...

PADA hari Ahad, 26... bertempat di-Dew... katan Kuala Belait, m... petang.

1. Md Alfred Ariff...
2. Hartinah Ramli
3. Ak Shaminan Pg...
4. Norhidayati Md...
5. Suriani bte Julai...
6. Norlizawati Yah...
7. Sazali Md Ariff
8. Norizah Dollah
9. Misiah Ibrahim
10. Marliana Mardi
11. Kartinah Seri De...
12. Radiah Md Hita...
13. Razali Marusin
14. Khairur Rizal R...
15. Affendy Dollah
16. Norlela Majenis



THIS week our Three Ladies In Stereo will be discussing on the topic "Should ladies concentrate being housewives." As usual this programme will be on the air on Friday 17th April, 1981 from 12.00 noon to 12.30 p.m. Panels for this week are Vicky Shim (right), Dk Mariam Pg Metarsad (centre) and the chairlady Hayati Pehin Salleh (left). Should you miss the first broadcast you can follow its repeat on the same day in the evening at 8.00 p.m. to 8.30 p.m.



KELIHATAN dalam gambar atas Pasokan Pancharagam Askar Melayu Diraja Brunei di-bawah pimpinan Timbalan Pengarahnya Leftenan Abdul Manaf bin Haji Kamis sedang merakamkan lagu Minggu Keselamatan Jalan Raya di-Studio Radio Brunei.

# LIKU-LIKU JALAN R...

LAGU Minggu Keselamatan Jalan Raya telah berkumandang menerusi Radio Brunei beberapa jam sahaja sa-lepas pembukaan rasmi Minggu Keselamatan Jalan Raya pada 6hb April yang lalu.

Lagu tersebut ada-lah chiptaan Timbalan Pengarah Pasokan Pancharagam Askar Melayu Diraja Brunei Leftenan Abdul Manaf bin Haji Kamis dan senikata-nya oleh Imbi.

Kita di-fahamkan bahawa lagu tersebut telah mula menjadi mainan mulut orang ramai terutama kanak2. Ia-nya di-siarkan oleh Radio Brunei pada tiap2 sa-lepas berita.

Untok memudahkan peminat2-nya mengikuti lagu itu maka kami sukachita menyiarkan senikata-nya saperti berikut:

### Susunan m...

### Lt. Man...

### Senikata: ...

Tajok: 'Liku-Liku J...

Liku liku jalan raya
sepanjang kota dan de...
gerak pembangunan n...
nekmat sa-kujor usia
Liku liku jalan ...
nadi penghidup...
waspada dan be...
keselamatan kita...
Awas awas bahaya y...
bukan gelanggang ber...
bersimbang bersuka ...
patah timpang terko...
Liku liku jalan ...
gempa kesibokan...
patohi-lah pera...
sejahtera hidup...

# UGAMA ISLAM JANGAN DI-ANGGAP RINGAN

MARI-lah kita terus menerus bertakwa kapada Allah dengan sa-benar2-nya dan berusaha meningkatkan-nya sa-panjang hayat kita dengan melakukan keta'atan kapada Allah dan menjauhi apa2 jua yang di-haramkan-nya.

Salah satu sifat yang terchela ia-lah mempermudah2kan perkara Ugama ia-itu menganggap ringan, remeh dan tiada penting terhadap Ugama. Sifat saperti ini selalu benar menjangkiti manusia *jika ia tidak selalu* berwaspada dan tidak selalu berusaha membiasakan diri memandang berat terhadap Ugama. Sa-bagai misal, sa-orang yang tiada mempunyai sa-barang keuzuran dan dapat mengerjakan Sembahyang Asar pada jam 4.00 petang, oleh kerana dia menganggap Sembahyang di-awal waktu itu tidak penting dan perkara Ugama itu di-rasakan-nya kurang mustahak, lalu di-lalai2kan-nya Sembahyang Asar itu, kadang2 dengan berbual2, atau menyuchi kereta, atau menyiram bunga, atau bermain bola dan sa-bagai-nya, dalam hati-nya dia berkata nanti-lah sa-bentar lagi boleh-lah sembahyang Asar. Tetapi lalai punya lalai akhir-nya waktu Asar pun habis, waktu maghrib sudah masok. Maka berdosa-lah dia kerana melalaikan Sembahyang Asar itu dan rugi-lah dia kerana sikap-nya yang tidak mengambil berat terhadap Ugama-nya.

Satu misal yang lain pula, sa-orang mempunyai wang, wang itu sa-bahagian-nya telah dapat di-jadikan derma untok membangun masjid atau untok membeli tanah untok di-jadikan wakaf tapak masjid umpama-nya, tetapi wang itu tiada di-keluarkan-nya, bukan kerana bakhil tetapi kerana menganggap kurang penting dan mempermudah2kan soal Ugama. Lalu dia tanggohkan pengeluaran wang itu dari satu masa ka-satu masa. Akhir-nya kerana suatu hal yang datang sa-chara tiba2 dan tidak di-sangka2, entah kerana kechurian, entah kerana kebakaran, entah kerana lain2 sebab, lalu wang itu habis musnah dan tiada dapat di-dermakan atau di-jadikan pembeli tanah untok di-wakafkan. Orang saperti ini rugi, rugi kerana terlepas peluang mengerjakan amal saleh. Kalau tadi-nya wang itu segera di-dermakan atau segera di-belikan tanah untok di-jadikan tapak Masjid neschaya dapat-lah ia ganjaran pahala yang berlipat ganda yang akan membawa keselamatan dan kebahagiaan kapada-nya di-akhirat nanti.



Dalam Kor'an Allah Subhanahu Wataala ada menggambarkan perihal orang yang menyesal di-akhirat kerana tiada membelanjakan harta mereka pada jalan2 Allah saperti bersedekah dan sa-bagai-nya. Orang itu sangat2 berharap supaya ia kembali hidup di-dunia supaya ia dapat berbuat sedekah dan amal2 yang saleh, tetapi sesal dahulu pendapatan sesal kemudian tiada berguna.

Firman Allah Taala dalam surah Al-Munafiqun ayat 10 dan 11 yang kira2 bermaksud:

*"Dan belanjakan-lah sa-bahagian rezeki atau harta yang Kami (Allah) kurniakan kapada kamu pada jalan2 Allah sa-belum datang maut kapada salah sa-orang di-antara kamu, lalu ia berkata: Ya Tuhan! mengapa-kah tidak engkau lambatkan hidup saya hingga sedikit masa lagi supaya saya bersedekah dan menjadi orang yang saleh. Allah tiada sekali2 melambatkan diri sa-seorang apabila telah tiba ajal-nya. Dan Allah ada-lah Maha mengetahui lagi bijak terhadap apa2 yang kamu lakukan."*

Dari itu mari-lah kita sekalian mengambil berat akan hal2 ugama dan jangan-lah kita memudah2kan atau meringan2kan-nya supaya kita tiada menyesal di-akhirat kelak. Rebut-lah peluang mengerjakan amal saleh itu bila2 masa dan di-mana2 tempat tanpa berlengah2 dan menanggoh2kan-nya. Mudah2an dengan kesedaran sa-demikian kita dapat meningkatkan amal bakti kita kapada Allah Subhanahu Wataala.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 15hb April, 1981 hingga ka-hari Selasa 21hb April, 1981 ada-lah saperti di-bawah ini: —

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 15hb April | 12.27 | 3.42 | 6.32 | 7.44 | 4.45 | 4.59 | 6.14 |
| 16hb April | 12.26 | 3.41 | 6.31 | 7.43 | 4.44 | 4.58 | 6.12 |
| 17hb April | 12.26 | 3.41 | 6.31 | 7.43 | 4.44 | 4.58 | 6.12 |
| 18hb April | 12.26 | 3.41 | 6.31 | 7.43 | 4.44 | 4.58 | 6.12 |
| 19hb April | 12.26 | 3.41 | 6.31 | 7.43 | 4.44 | 4.58 | 6.12 |
| 20hb April | 12.26 | 3.41 | 6.31 | 7.43 | 4.44 | 4.58 | 6.12 |
| 21hb April | 12.25 | 3.40 | 6.31 | 7.43 | 4.42 | 4.56 | 6.10 |

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

# KEISTIMEWAAN MENUNTUT ILMU

**O Bingkisan minggu ini**

DI-ANTARA keistimewaan orang2 Islam menuntut Ilmu dan menerima perkhabaran ada-lah sifat berhati2 dan mempastikan kebenaran-nya, di-samping itu kritik ada-lah di-galakkan kerana ia-nya akan dapat membedzakan di-antara yang palsu dengan yang tulin dan di-antara yang hak dengan yang bathil.

Bagi orang2 Islam sendiri menuntut Ilmu itu di-pandang sebagai salah satu chara untok mendampingkan diri kapada Allah, sebab itu-lah kenapa menuntut Ilmu itu di-perlukan mempunyai tata-tertib dan adab sopan yang baik terhadap Guru2 juga terhadap sesama murid, ia-itu untok mendapat berkat dan menchapai matalamat murni dari menuntut Ilmu itu. Menuntut Ilmu hendak-lah di-lakukan dengan ikhlas semata2 kerana Allah jua, bukan kerana hendak menunjok2 dan di-puji orang, bukan kerana gaji, kedudokan atau pun pangkat. Jadi dengan ada-nya adab sopan yang baik dan perasaan yang ikhlas, maka akan terchapai-lah chita2 yang sebenar-nya ia-itu semata2 untok berbakti kerana Allah s.w.t.

Saperti mana hal-nya Islam memandang bumi ini suchi dan sah di-jadikan tempat Sembahyang, begitu juga-lah hal-nya ia memandang bumi ini, semua-nya boleh di-jadikan tempat belajar dan mengajar. Umat Islam di-galakkan supaya selalu memerhatikan apa yang ada di-langit dan yang ada di-bumi, memerhatikan peninggalan Sejarah umat2 purbakala untok menjadi chontoh tauladan dan di-ambil pengajaran-nya serta hendak-lah orang2 Islam itu menuntut Ilmu pengetahuan di-mana sahaja dia berada, tanpa mengira masa, umor dan keadaan. Sebagaimana sabda Nabi Muhammad s.a.w. yang maksud-nya berbunyi:

"Tuntut-lah Ilmu dari buaian, hingga keliang lahad." Dengan sabda Rasulullah itu ada-lah jelas kapada kita, betapa kuat-nya dorongan serta galakkan yang di-berikan oleh Rasulullah s.a.w. kapada kita dalam menuntut ilmu, kerana Ilmu itu ada-lah asas kapada kita bagi pembangunan masharakat Islam dan kekuatan umat Islam, yang menjadikan umat Islam boleh dudok sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan lain2 umat atau bangsa di-dunia ini, bahkan kalau boleh lebeh daripada itu.

Kita juga telah mengetahui bahawa Ilmu itu ada-lah sesuatu yang utama dan mulia, tidak ada yang menuntut-nya kechuali orang2 yang berjiwa utama dan mulia ia-itu demi untok kemuliaan diri-nya, keluarga-nya dan masharakat bangsa-nya. Tetapi kalau-lah Ilmu itu di-salah pergunakan tentu-lah nanti kemuliaan orang yang mempunyai Ilmu itu menjadi chachat dan mertabat Ilmu itu sendiri menjadi rendah dalam pandangan orang ramai. Maka dari itu ada-lah wajib bagi kita untok menuntut Ilmu dan memelihara mertabat-nya serta menggunakan dengan sebaik-nya bagi di-turunkan kapada jenerasi2 kita yang akan datang. Islam sangat2 menyanjong tinggi orang2 yang berilmu dan dapat menggunakan Ilmu-nya itu untok menegakkan asas mengembangkan Shi-'ar Islam. Saperti firman Allah s.w.t. yang kira2 bermaksud:

"Katakan-lah: Ber-amal-lah! Maka Allah akan melihat amal-mu itu, dan Rasul, juga orang2 yang beriman."

## Pertandingan Nashid Perengkat Daerah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pertandingan Nashid Perengkat daerah yang di-anjorkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama bersempena Sambutan Isra' Me'raj tahun ini akan di-adakan pada masa dan tarikh yang berasingan. Pertandingan ini ia-lah untok memileh wakil ka-pertandingan perengkat sa-paroh akhir yang akan di-adakan pada pertengahan bulan Mei, depan. Tiap2 daerah akan di-wakili oleh empat pasokan dua pasokan lelaki dan dua pasokan wanita.

Di-Daerah Brunei dan Muara pertandingan akan di-adakan pada 3hb. Mei dan di-jangka akan di-langsongkan di-Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan. Tarikh tutop untok menyertai pertandingan tersebut tidak lewat pada 18hb. April ini.

Sementara di-Daerah Tutong ia-nya akan di-adakan pada 26hb. April ini bertempat di-Dewan Kemasharakatan Tutong. Borang2 penyertaan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 20hb. April.

Manakala di-Daerah Belait pertandingan akan di-adakan di-Dewan Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan pada 25hb. April dan borang2 penyertaan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 16hb. April.

Di-Daerah Temburong pula ia-nya akan di-langsongkan di-Dewan Ria Pekan Bangar pada 17hb. April dan borang2 penyertaan hendak-lah di-kembalikan sa-lewat-lewat-nya 16hb. April ini.



JABATAN Hal Ehwal Ugama kini sedang giat menjalankan majlis kuliah ugama khas bagi persatuan2 di-negeri ini. Baru2 ini majlis serupa bagi persatuan di-Kampong Sungai Teraban Kuala Belait telah di-adakan di-Balai Ibadat Kampong tersebut. Dalam kuliah tersebut satu sharahan khas telah di-sampaikan oleh Pengetua Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, Ustaz Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud. Lebeh daripada 100 orang telah menghadhiri majlis tersebut. Gambar atas ia-lah sa-bahagian dari kaum wanita yang juga turut dalam majlis yang di-adakan di-samping kaum lelaki.

## WANITA HAMIL:

# Bolehkah di-nikahkan ?

## II PENDAPAT IMAM AS-SHAFI'E

### Siri ke-75

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo. Mufti

AL-IMAM As-Shafi'e dalam kitab-nya AL-UM telah berkata mengenai nikah orang2 muhdithin dengan memetek firman Allah s.w.t. dalam ayat 2 Surah An-Nur :

الزَّانِي لَا يَنْكِحُ إِلَّا زَانِيَةً أَوْ مُشْرِكَةً وَالزَّانِيَةُ لَا يَنْكِحُهَا إِلَّا زَانٍ أَوْ مُشْرِكٌ وَحُرِّمَ ذَٰلِكَ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ ٠

Tafsir-nya: *"Orang lelaki yang berzina itu tiada-lah ia berkahwin melainkan orang perempuan yang berzina atau perempuan yang mushrik; dan orang perempuan yang berzina itu tiada-lah ia berkahwin melainkan orang lelaki yang berzina atau orang lelaki yang mushrik — yakni yang munasabah bagi masing2 itu ia-lah orang2 yang tersebut itu; dan di-haramkan nikah perempuan2 yang berzina di-atas orang2 mu'min yang terpileh (yang baik2)".*—Dari tafsir Al-Jalalain.

### BERSELISEH

Menurut Al-Imam As-Shafi'e, para ulama telah berseliseh pendapat pada mentafsirkan ayat di-atas (surah An-Nur, ayat 2).

★ Sa-bahagian-nya menyatakan : Ayat tersebut turun dalam perkara perempuan2 sundal yang mempunyai bendera2 di-rumah masing2, dan perempuan itu bukan perempuan muhsanah di-mana sa-tengah2 lelaki Islam hendak mengahwini mereka. Maka turun-lah ayat ini mengharamkan menikahi mereka itu melainkan orang lelaki sundal yang sama dengan sundal perempuan2 itu atau orang yang mushrik.

★ Sa-bahagian-nya lagi mengatakan: perempuan yang berzina itu berugama mushrik, maka turun ayat ini melarang jangan kahwin akan mereka itu melainkan lelaki yang berzina sama saperti mereka itu berzina dan lagi ia berugama mushrik atau orang mushrik sekali pun ia tiada berzina; dan di-haramkan nikah akan perempuan yang berzina itu samada yang mushrik atau tiada ka-atas orang2 mu'min.

★ Sa-bahagian-nya lagi mengatakan: Ayat itu bukan dalam perkara yang tersebut.

★ Sa-bahagian-nya lagi mengatakan: Ayat itu 'am tetapi telah di-mansukhkan, dan dalil-nya ia-lah bahawa kita (Al-Imam As-Shafi'e) telah di-khabarkan oleh Sufian daripada Yahya bin Sa'id daripada Ibnul Musaiyab dalam perkara firman Allah yang berkenaan itu, kata Ibnul Musaiyah : Ayat ini mansukh di-mansukhkan oleh ayat 32 surah An-Nur:

وَأَنْكِحُوا الْأَيَامَىٰ مِنْكُمْ

Tafsir-nya : *"Kahwinilah oleh kamu perempuan ayim yakni perempuan merdaheka yang tiada mempunyai suami samada dara atau janda daripada kalangan kamu* (yakni: ayim2 yang Islam)."

### DALIL :

### BEBERAPA KES

Kata Al-Imam As-Shafi'e seterus-nya: kita telah dapat dalil daripada Rasulullah s.a.w. dalam perkara perempuan yang berzina dan laki2 yang berzina yang masing2 berugama Islam. Kita tiada ketahui akan dia bahawa haram di-atas masing2 itu pada menikahi orang lain yang tiada berzina sama ada lelaki atau perempuan; dan tiada-lah di-haramkan masing2 daripada kedua-nya di-atas suami-nya atau isteri-nya.

Seterus-nya kata Al-Imam As-Shafi'e : sesunggoh-nya MA'IZ bin MALEK telah mengadap Rasulullah s.a.w. dan mengaku beberapa kali di-hadapan Baginda bahawa dia berzina, dan Rasulullah tiada menyuroh-nya pada tiap2 kali mengaku itu supaya ia jauhkan isteri-nya jika ia mempunyai isteri, dan Rasulullah tiada menyuroh isteri-nya menjauhi-nya (MA'IZ).

Jikalau zina itu mengharamkan MA'IZ daripada isteri-nya neschaya Rasulullah s.a.w. bersabda kapada-nya saperti : kira-nya kamu ada mempunyai isteri maka haram-lah isteri kamu itu di-atas kamu; atau kira-nya kamu tiada mempunyai isteri maka tiada-lah boleh kamu bernikah. Tetapi kita tiada ketahui Baginda menyuroh-nya begitu, dan tiada-lah kita ketahui bahawa Rasulullah menegah ia dari berkahwin, dan tiada kita ketahui bahawa Rasulullah menegah orang lain jangan berkahwin melainkan dengan perempuan yang berzina saperti-nya.

Dalil seterus-nya ia-lah bahawa telah di-sampaikan kapada Rasulullah s.a.w. ada sa-orang perempuan telah berzina dan suami-nya ada hadhir ketika itu. Baginda tiada menyuroh, bagaimana yang di-ketahui, suami-nya menjauhkan diri daripada isteri-nya itu. Dan Baginda telah menyuroh sa-orang sahabat bernama Unais menanya perempuan itu, jika ia mengaku berzina maka rejamkan dia.

Begitu juga dalam kes Ibnul A'arabi di-mana Nabi s.a.w. telah menyebat-nya dalam perkara ia berzina dengan sa-ratus kali sebat dan Baginda memerentahkan-nya di-buang negeri sa-lama sa-tahun. Tetapi Nabi s.a.w. tiada menegah Ibnul A'arabi, sabagaimana yang kita ketahui, dari menikah; dan tiada juga Baginda menegah orang lain bernikah melainkan ia nikah dengan perempuan berzina saperti ia berzina.

Seterus-nya Al-Imam As-Shafi'e menyebutkan kes sa-orang suami yang telah *'qazaf'*-kan isteri-nya dengan sa-orang laki2, ia telah hadapkan perkara isteri-nya itu kapada Rasulullah s.a.w. dan ia telah menafikan kandongan hamil isteri-nya itu daripada-nya. Maka Baginda tiada menyuroh suami tersebut menjauhi isteri-nya sa-hingga suami itu telah *mula'anah* (li'an) dengan isteri-nya itu.

Begitu juga dalam kes sa-orang suami yang telah mengadu kapada Nabi bahawa isteri-nya 'tiada menolak tangan yang menyentoh-nya' (yang mengajak-nya berzina). Maka Baginda suroh laki2 tersebut menceraikan isteri-nya tetapi ia memberitahu yang ia sayangkan isteri-nya itu, lalu Baginda menyuroh-nya mengekalkan hubongan dengan isteri-nya itu.

Dan satu riwayat lagi kata Al-Imam As-Shafi'e ia-lah kita telah di-khabarkan oleh Sufian daripada Abdullah bin Abi Yazid daripada bapa-nya bahawa sa-orang laki2 telah berkahwin dengan sa-orang perempuan. Perempuan itu ada mempunyai sa-orang anak perempuan daripada lelaki; dan suami-nya itu pula ada anak lelaki daripada isteri-nya yang lain. Maka anak lelaki itu telah berjahat dengan anak perempuan itu sa-hingga menyebabkan-nya hamil. Manakala Khalifah Sayidina 'Umar sampai ka-Mekah, orang pun menghadapkan perkara itu kapada-nya. Baginda telah menyoal kedua-nya dan kedua2-nya telah mengaku. Kemudian Baginda telah menyebat kedua mereka itu sa-bagai hukuman 'had', dan dengan bersunggoh2 Baginda menghimpunkan di-antara kedua-nya (di-kahwinkan) akan tetapi anak lelaki itu enggan.

### KESIMPULAN SA-BAIK2-NYA . . . .

Kata Al-Imam As-Shafi'e seterus-nya : Sa-baik2-nya bagi sa-orang lelaki jangan ia menikahi perempuan yang berzina; dan begitu juga bagi sa-orang perempuan jangan ia kahwin dengan lelaki yang berzina. Jika kedua2-nya berbuat begitu maka tiada-lah haram di-atas salah sa-orang daripada kedua-nya; tiada-lah menjadi maksiat bagi sa-orang daripada kedua-nya sa-hingga ia mengharamkan di-atas masing2 itu berkahwin dengan perempuan atau lelaki yang halal nikah dengan-nya, apabila masing2 itu berbuat begitu.

Kata Al-Imam As-Shafi'e seterus-nya :

Begitu juga kalau ia menikahi sa-orang perempuan yang tiada di-ketahui-nya bahawa perempuan itu telah berzina, hanya di-ketahui-nya sa-belum ia 'dukhol' (bersatu) akan dia bahawa perempuan itu telah berzina sa-belum ia nikah dengan-nya atau sa-sudah ia nikah dengan-nya. Maka tiada perempuan (isteri) itu jadi haram kapada-nya, dan tiada-lah harus ia mengambil semula mahar-nya daripada isteri-nya itu, dan tiada-lah di-fasahkan nikah itu; dan ada-lah jika ia suka ia kekalkan nikah-nya itu dan jika ia suka ia talakkan isteri-nya itu. Begitu-lah juga jika sa-orang perempuan dapati suami-nya telah berzina sa-belum atau sa-lepas ia bernikah dengan-nya — sama ada sa-belum 'dukhol' atau sa-sudah-nya, maka tiada-lah ada 'khiyar' bagi perempuan itu pada fasakh nikah-nya supaya ia berpisah dari suami-nya itu, maka perempuan itu tetap isteri-nya dan tiada-lah haram perempuan itu ka-atas suami-nya itu sama ada yang berzina daripada salah sa-orang daripada kedua-nya itu telah di-hukum 'had atau tidak, atau sama ada telah di-saksikan dia berzina atau ia sendiri mengaku berzina, maka tiada-lah zina salah sa-orang daripada kedua-nya atau kedua2-nya akan mengharamkan yang halal dan bukan-lah ia suatu maksiat di-kechualikan jika berlainan ugama kedua-nya dengan sebab shirik dan iman.

### AYAT BERKENAAN ITU MANSUKH

Demikian-lah (terjemahan) nas Al-Imam As-Shafi'e (radhiallahu 'anhu) yang di-salin dari kitab-nya AL-UM menerangkan dengan ayat Kor'an dan hadith bahawa ayat Kor'an (ayat 2. Surah An-Nur) itu telah di-mansukhkan hukum-nya; dan Al-Imam itu telah membawa dalil2 yang menunjok kapada mansukh ayat itu dan bahawa zina itu tiada menjadi halangan pada akad nikah atau membatalkan suatu nikah itu sama ada zina itu dari laki2 atau perempuan, sama ada perempuan itu hamil atau tidak.

Sa-chara rengkas, ini-lah pendapat dan ijtihad Al-Imam As-Shafi'e dalam masaalah nikah orang2 yang sundal, jalang dan berzina.

*WALLAHU A'ALAM*

# SIAPA SANDANG JUARA MUTIKA '81


Dy Masni Haji Abdullah (21)


Ak Ramlee Pg Hj Seruddin (22)


Dayang Jamilah Osman (22)


Ak Zainal Abidin Pg Puteh (21)


Dk Fridah Pg Damit (19)


Awg Junaidie Abd Rahman (20)


Dy Haslinda Mohd Taib (18)


Ak Osman Pg Damit (27)


Dy Sa'adiah Haji Ghazali (23)


Ak Mulek Pg Haji Damit (22)

SIAPA-KAH yang akan menyandang gelaran juara MUTIKA 1981 dan seterus-nya mewakili Negeri Brunei ka-pertandingan Nyanyian Amatur Asia 1981 di-Hongkong akan dapat kita saksi-kan dalam pertandingan perengkat akhir yang akan di-adakan pada hari Ahad 19hb April, 1981.

Di-perengkat akhir itu nanti sa-ramai 10 orang peserta akan beradu bagi mere-but gelaran juara mutika dan ia-nya di-anjorkan oleh Radio Talivishen Brunei bagi menchungkil bakat2 baru yang ber-potensi dalam seni suara.

Pertandingan pada malam itu juga akan di-serikan dengan persembahan2 tarian Melayu oleh Kumpolan penari2 RTB dan juga persembahan istimewa dari penyanyi undangan khas dari Negeri Filipina — Dayang Dolce Amor — Johan pertandingan nyanyian Amatur Asia ta-hun 1979.

Dayang Dolce Amor atau nama benar Dayang Maria Teresa Abellare Llamedo baru2 ini telah berjaya memenangi be-berapa anugerah saperti ALIW 1980 sa-bagai 'Penghibor yang mempunyai hara-pan', TINIG 1980 dan BAMCI sa-bagai 'penghibor yang terbaik sekali di-hotel2, kelab dan restoran2'.

Kapada peminat2 yang ingin menon-ton boleh-lah mendapatkan tiket2 me-nonton dari penerbit dan kapada pemi-nat2 di-rumah dan yang jauh jangan lupa mengikuti ranchangan ini yang akan di-siarkan terus menerus melalui radio dan TV Brunei pada hari tersebut dari Dewan Raya RTB mulai jam 8.30 malam.

Jangan lupa mengikuti siaran lang-song pertandingan tersebut.


Dayang Dolce Amor.

## RANCHANGAN TVP DARI 20HB HINGGA 26HB APRIL

### ISNIN — 20HB APRIL

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 328
Ranchangan ini di-muati dengan akti-viti2 saperti MENYANYI DENGAN GAYA, SI-MANIS, AMINAH, BER-MAIN KUDA, MAIN BANG dan CHERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 328.

### SELASA — 21HB APRIL

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 329
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 membuat aktiviti2 saperti BERSENAM, KERJA TANGAN, SI-MANIS, MAIN BAKUL, SIRI PER-MULAAN dan CHERMIN SAKTI.
Ruangan Siri Permulaan Che'gu Ro-kiah akan menunjokkan dan bercherita darihal alat2 musik yang di-gunakan oleh orang2 Melayu kita.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 329.

### RABU — 22HB APRIL

10.30 KAP KAP UDANG 330.
Ranchangan ini di-muati dengan aktivi-viti2 saperti MAIN MUSIK, MAIN KIM, AMIN, MENYANYI DENGAN GAYA, RUANGAN BINATANG dan CHERMIN SAKTI.
Ruangan binatang, Che'gu Rokiah akan bercherita darihal sa-ekor burong Merpati.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 330.

### KHAMIS — 23HB APRIL

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 331
Dalam ranchangan kali ini Che'gu Ro-kiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti MAIN KUDA, LIHAT DAN PERHATI, TEKA BENDA, MAIN BOLA, MAIN BANG dan CHERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 331.

### JUMAAT — 24HB APRIL

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG
Ranchangan hari ini di-muati dengan aktiviti2 saperti BOLA TUMBOK, HALAMAN BINATANG, SI-MANIS, BERNYANYI DENGAN GAYA, PE-KERJAAN SENDIRI dan CHERMIN SAKTI.
Ruangan binatang, Che'gu Rokiah akan bercherita darihal belalang.

### SABTU — 25HB APRIL

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 332
Ranchangan ini di-muati dengan akti-viti2 saperti MAIN BAKUL, PETI SURAT, AMINAH, BOLA TUMBOK, PEKERJAAN SENDIRI dan CHER-MIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 332.

### AHAD — 26HB APRIL

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG
Ranchangan hari ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan bermain aktiviti2 sa-perti BERMAIN KUDA, LIHAT DAN PERHATI, PA' LONG, AMIN, SIRI PERMULAAN dan CHERMIN SAK-TI.
Ruangan bermain kuda Che'gu Rokiah dan anak2 akan pergi ka-Balai Bomba.
Siri Permulaan pula Che'gu Rokiah akan bercherita darihal 'Api'.

# *Susunan ranchangan* MINGGUAN RADIO

## Mulai dari 15hb. hingga 21hb. April 1981

### RABU

PAGI: 6.00—Allah pelihara-kan Sultan dan Negara; 6.03 —Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Suntingan hidayah/Peringatan harian — dendang suria; 8.30 — Majallah radio (su); 9.00 — Lagu dan senikata; 9.30 — Permintaan pagi Rabu; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Surat dari London; 10.30 — Autograph pendengar; 1.00 — Taman mekar (su); 11.30—Bingkisan tanah ayer (su). T/HARI: 12.00 — Rampaian tengah hari — Azan fardhu dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Penyanyi harapan; 1.30 — Hiboran menjelang rehat. PETANG: 2.00 — Siaran berhenti rehat. 5.00 — Pilehan irama; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandong asli; 6.00 — Siri Mukkadam—Bingkisan hari ini — Menunaikan sembahyang fardhu maghrib. MALAM: 7.00 — Serbanika hiboran (su); 7.30 — Majallah radio — Azan fardhu isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Untok belia; 9.00 — Permintaan sukaramai; 9.30 — Apa pilehang awda; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Suntingan hidayah; 10.07 — Bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an — Do'a restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

### KHAMIS

PAGI: 6.00—Allah pelihara-kan Sultan dan Negara; 6.03 —Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Suntingan hidayah/Peringatan harian, dendang suria; 8.30 — Majallah radio (su); 9.00 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Rampai sari hiboran (su); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Rampaian London (su); 10.30 — Permintaan sukaramai; 11.30 — Ruangan ketani (su). T/HARI: 12.00 — Lagu2 Melayu asli — Azan fardhu dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Chitra wara (su); 1.30 — Hiboran menjelang rehat. PETANG: 2.00 —Siaran berhenti rehat. 5.00 — Majallah ugama/Petikan soal jawab ugama; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Lagu2 nasehat; 6.00 — Siri Mukkadam, Bingkisan hari ini, menunaikan sembahyang fardhu maghrib; MALAM: 7.00 — Bachaan surah yassin-Talil/Irama dakwah; 7.30 — Bimbingan Al-Kor'an — Azan fardhu isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Sandiwara radio (su); 9.00 — Tafsir Al-Kor'an; 9.30 — Hidayat; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Suntingan hidayah; 10.07 — Bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an — Do'a restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

### JUMAAT

PAGI: 6.00—Allah pelihara-kan Sultan dan Negara; 6.03 —Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 6.45 — Menyanyikan lagu Kebangsaan Brunei; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Suntingan hidayah/Peringatan harian, dendang suria; 8.30 — Pertanian; 9.00 — Pelajaran dewasa di-udara; 9.30 — Tafsir Al-Kor'an (su); 10.00 — Tanda Waktu dan Waktu Berita; 10.15 — Soalan di-udara; 10.30 — Dari kampong ka-kampong; 11.00 — Bimbingan Al-Kor'an (su); 11.30—Keluaga jaya. T/HARI: 12.00 — Lagu2 Dakwah; 12.15 — Bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an; 12.30 — Menunaikan sembahyang fardhu Juma'at; 1.15 — Qasidah/lagu Melayu asli; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Mutiara gambus. PETANG: 2.13 — Membachakan susunan ranchangan; 2.15 — Varia peristewa; 2.30 — Ruangan ketani; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Apa pendapat awda/hiboran; 3.30 — Focus Radio—Azan fardhu asar; 4.00—Tunas pendidek (su); 4.30 — Chitrawara; 4.58 — Membachakan susunan ranchangan; 5.00 — Gurindam lagu 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita: 5.45 —Suntingan khutbah Juma'at; 6.00 — Siri Mukkadam—Bingkisan hari ini—Menunaikan sembahyang fardhu maghrib. MALAM: 7.00 — Cherpen dan selokan-nya; 7.30 — Majallah Radio — Azan fardhu isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mari berpantun (su); 9.00 — Mutika/petikan dari filem (su); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Suntingan hidayah; 10.07 — Bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an — Do'a restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

### SABTU

PAGI: 6.00—Allah pelihara-kan Sultan dan Negara; 6.03 —Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Suntingan hidayah/Peringatan harian — dendang suria; 7.30 — Pada hemat saya—dendang suria; 8.30 — Majallah radio (su); 9.00 — Soalan di-udara; 9.15 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Tetamu minggu ini (su); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Varia peristewa (su); 10.30 — Serbanika hiboran (su); 11.00 — Focus radio (su); 11.30 — Apa pendapat awda/hiboran. T/HARI: Rampaian tengah hari—Azan fardhu dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Chitra Irama; 1.30 — Lagu dan senikata. PETANG: 2.00 — Permintaan hujong minggu; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Hiboran pilehan; 3.30 — Cherpen dan selokan-nya — Azan fardhu asar; 4.00 — Mutiara asli; 4.30 — Pelajaran dewasa di-udara (su); 5.00 — Irama gembira; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandong lagu2 lama; 6.00 — Siri Mukkadam — Bingkisan hari ini — Menunaikan sembahyang fardhu maghrib. MALAM: 7.00 — Mutiara gambus (su); 7.30 — Majallah radio — Azan fardhu isha; berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Drama dalam shaer (su); 9.00 — Hidangan lagu2 irama hindustan; 9.30 — Titian budaya (su); 9.45—Irama keronchong; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Suntingan hidayah; 10.07 — Bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an — Do'a restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

### AHAD

PAGI: 6.00—Allah pelihara-kan Sultan dan Negara; 6.03 —Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 8.30 — Majallah Radio (SU); 9.00 — Taman mekar; 9.30 — Dunia Wanita; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Doctor Radio; 10.30 — Pop minggu ini; 11.00 — Titian budaya; 11.30 — Pancharagam tempatan. T/HARI: 12.00 — Sandiwara Radio — Azan fardhu dzohor; 12.30 — Rampaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Permintaan dua station. PETANG: 2.00 — Membachakan susunan raschangan; 2.02 — Mutika/Petikan dari filem; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Mari berpantun—Azan fardhu asar; 3.45—Drama dalam shaer; 4.30—Sokan dan olahraga; 4.58 — Membachakan susunan ranchangan; 5.00 — Pilehan juruhebah; 5.30 —Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandong lagu2 gazal; 6.00 — Siri Mukkadam—Bingkisan hari ini—Menunaikan sembahyang fardhu maghrib. MALAM: 7.00 — Gurindam lagu; 7.30 — Majallah radio—Azan fardhu isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Suara perajurit; 9.30 — Permintaan lagu2 60an; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Suntingan hidayah; 10.07 — Bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an — Do'a restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

### ISNIN

PAGI: 6.00—Allah pelihara-kan Sultan dan Negara; 6.03 —Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Suntingan hidayah/Peringatan harian, dendang suria; 8.30 — Majallah radio (su); 9.00 — Rampai sari hiboran; 9.30 — Dendang antarabangsa; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Berdendang dengan ku; 10.30 — Sain dan perusahaan; 11.00 — Album penyanyi; 11.30 — Bingkisan tanah ayer. T/HARI: 12.00 — Komintar radio, 12.15 — Lagu2 rampaian — Azan fardhu dzohor; 12.30 — Rampaian joget; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Permintaan sukaramai. PETANG: Siaran berhenti rehat. 5.00 — Hiboran pilehan; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandong lagu asli, 6.00 — Siri Mukkadam—Bingkisan hari ini—Menunaikan sembahyang fardhu maghrib. MALAM: 7.00—Penyanyi harapan; 7.30 — Tunas pendidek — Azan fardhu isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 Chitra irama (su); 9.00 — Pertanian; 9.30 — Mutiara asli (su); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 Suntingan hidayah 10.07 —Bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an — Do'a restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

### SELASA

PAGI: 6.00—Allah pelihara-kan Sultan dan Negara; 6.03 —Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Suntingan hidayah/Peringatan harian — dendang suria; 8.30 — Suara pajurit (su); 9.30 — Permintaan kaum wanita; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Rampaian London; 10.30—Autograph pendengar (su); 11.00 — Dunia wanita (su); 11.30 — Hiboran untok suri2 rumah tangga; 11.45 — Doctor Radio (su). T/HARI: 12.00 Hiboran tengah hari — Azan fadhu dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Wanita Berita; 1.00 — Tetamu minggu ini; 1.30 — Ku sampaikan salam. PETANG: 2.00 — Siaran berhenti rehat. 5.00 — Lagu2 nasehat; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama senja; 6.00 — Siri Mukkadam—Bingkisan hari ini—Menunaikan sembahyang fardhu maghrib. MALAM: 7.00 — Album penyanyi (su); 7.30 — Majallah radio — Azan fardhu isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Pancharagam tempatan; 9.00 — Keluarga jaya (su); 9.30—Permintaan sukaramai; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Suntingan hidayah; 10.07 — Bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an — Do'a restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

## RANCHANGAN RADIO BAHAGIAN INGGERIS

### From 15th to 21st April 1981

**WEDNESDAY**

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Ladies at Eleven by Veronica Shim. NOON: 12.00 — Lunch Break by Asha Devaraj. PM: 12.30 — News; 12.45 — Lunch Break (continued); 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Theatre Forty-Five: "Break My Heart" by William Golding; 8.30 — Sweet and Stylish; 9.15 — News; 9.30 — "Close Encounters of a Bookish Kind" produced by Helen Thu; 10.00 — Close Down.

**THURSDAY**

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Ladies at Eleven by Veronica Shim. NOON: 12.00 — Lunch Break by Evelyn Samuel. PM: 12.30 — News; 12.45 — Lunch Break (continued); 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement Hello Tomorrow; 8.30 — Perspective; 8.45 — Johnny Douglas and his orchestra; 9.15 — News; 9.30 — The Big Band Sound; 10.00 — Close Down.

**FRIDAY**

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — English Examined prog 47 (repeat); 11.15 — Strictly Instrumental; 11.30 — Children's Half Hour. NOON: 12.00 Three Ladies In Stereo produced by Jaafar Yaakub. PM: 12.30 — News; 12.45 — The Paramour Sound — 6/16; 1.15 — BBC Sports Magazines; 1.30 — Close Down. 8.00—Opening Announcement — Three Ladies In Stereo (repeat); 8.30 — Dateline; 9.00 — International Money Programme; 9.15—News; 9.30 — String Sound; 10.00 — Close Down.

**SATURDAY**

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Ladies at Eleven by Veronica Shim. NOON: 12.00 — Lunch Break by Ideris Ali. PM: 12.30 — News; 12.45 — Lunch Break (continued); 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The Practical World; 8.15 — Melody Time; 8.45 — Frank Muir Goes Into "Money"; 9.15 — News; 9.30 — Top of The Pops—854; 10.00 — Close Down.

**SUNDAY**

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — We care for you by Idris Ali; 11.15 — Break For Music; 11.30 — Close Encounters of a Bookish Kind (repeat); NOON: 12.00—Frank Muir Goes Into "Money" (repeat). PM: 12.30—News; 1.00—Top of the Pops; 1.30—Close Down. Tajul Studee Night: 8.00—Opening Announcement—School Band On Parade; 8.15 — Tell a tale Competition produced by Veronica Shim; 8.30 — English Examined prog 48; 8.45—Sun Poem by Gwen Goh and Sarah Watson; 9.00 — H Questions Cool Replies; 9.15—News; 9.30 — Science Pop; 10.00 — Close Down.

**MONDAY**

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement—Ladies at Eleven by Veronica Shim. NOON: 12.00 — Lunch Break by Asha Devaraj. PM: 12.30 — News; 12.45 — Lunch Break (continued); 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Theatre Forty-Five: "The Collection" by Harold Pinter; 8.45 — Sweet and Stylish; 9.15 — News; 9.30 — "Close Encounters of a Bookish Kind" produced by Helen Thu; 10.00 — Close Down.

**TUESDAY**

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement—Ladies at Eleven by Veronica Shim. NOON: 12.00 — Lunch Break by Evelyn Samuel. PM: 12.30 — News; 12.45 — Lunch Break (continued); 1.30 — Close Down. Ja'afar Pop Music Night: 8.00 — Opening Announcement — Just For You; 8.30—Jazz Spot with Collin Clark; 8.45 — Just for You/Quiz; 9.00 — Rock Line; 9.15 — Pop Music From Asia; 10.00—Close Down.



BEGINI-LAH pertarongan dalam sa-paroh masa kedua di-mana masing2 pasokan bertentangan antara satu dengan lain. Sementara gambar bawah ia-lah ketua pasokan Maktab SOAS sedang menerima piala rebutan yang di-menangi yang di-sampaikan oleh Penolong Pengarah Pelajaran Brunei, Awang Mohd Dennis bin Haji Rosli.



# MAKTAB S.O.A.S. JUARA KUMPOLAN 'C'

BANDAR SERI BEGAWAN. — Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin telah berjaya menjadi johan sa-telah menawaskan Sekolah Inggeris Perdana Wazir Kuala Belait dalam perlawanan bolasepak kumpolan 'C' antara Sekolah2 menengah dan maktab2 seluroh negeri yang telah berlangsong di-Padang SMJA di-sini pada hari Rabu minggu lalu.

Perlawanan yang di-anjorkan sa-bagai salah satu projek tahunan oleh Bahagian Latehan Jasmani Jabatan Pelajaran Brunei itu ada-lah merupakan kali yang ke-8 bagi bahagian tersebut.

Maktab SOAS telah berjaya menjaringkan 8 gol tanpa balas dalam mana 3 gol ada-lah di-jaringkan dalam sa-paroh masa pertama sementara lima lain-nya dalam sa-paroh masa kedua.

Dengan kemenangan tersebut Maktab SOAS telah berjaya memenangi piala rebutan yang di-sumbangkan oleh Pengarah Pelajaran Brunei, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Penolong Pengarah Pelajaran Awang Mohd Dennis bin Haji Rosli — AHS

## *Belia Sumbiling anjor Semi-Marathon*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Belia Sumbiling akan menganjorkan perlumbaan Semi-Marathon pada 3hb Mei depan. Demikian di-nyatakan oleh Setiausaha Agong persatuan, Awang Osman bin PTIDS Haji Md Tamin.

Perlumbaan tersebut kata-nya ada-lah merupakan salah satu dari projek tahunan mereka dan akan terbahagi kapada Lelaki terbuka, Lelaki Veteran, Wanita Terbuka, Lelaki Berpasokan dan Wanita Berpasokan.

Peserta lelaki akan memulakan perlumbaan dari Pekan Muara sementara perlumbaan bagi peserta perempuan akan bermula dari simpang Jalan Mentiri. Kedua2 bahagian akan melalui Jalan2 Muara, Mentiri, Datu Gandi, Pelambayan, Kota Batu, Pintu Malim, Residency, Kianggeh dan akan berakhir di-hadapan Pusat Belia di-sini.

Bagi mereka yang ingin menyertai dalam bahagian Lelaki Terbuka hendak-lah berumor 15 tahun ka-atas, Lelaki Veteran-35 tahun ka-atas sementara Wanita Terbuka hendak-lah berumor 14 tahun ka-atas. Dalam bahagian berpasokan sa-tiap pasokan hendak-lah mengandongi 5 orang pelari.

Menurut Awg. Osman, dua tiket perchuma pergi dan balek ka-Singapura ada-lah merupakan hadiah istimewa yang di-sumbangkan oleh pehak penganjor kapada pemenang dalam bahagian lelaki dan wanita. Di-samping itu kata-nya hadiah2 iringan juga akan di-berikan kapada pelari2 yang mendapat tempat pertama hingga ka-sepuloh dalam bahagian lelaki dan wanita. Hadiah iringan dalam bahagian berpasokan lelaki dan wanita serta lelaki veteran akan di-berikan kapada pemenang yang mendapat tempat pertama hingga ke-lima.

Borang2 serta keterangan lanjut bagi perlumbaan tersebut sekarang boleh di-perolehi daripada:—

a) Setiausaha Agong persatuan dan Awang Mohd. Yussoff bin Haji Murni beralamat di-Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

b) Chegu Dzulkiflee bin Haji Abdul Latif dan Chegu Mustapha bin Haji Murni beralamat di-Pusat Tingkatan Enam, Gadong.

c) Chegu Arpan Shahbuddin bin Haji Abdul Latif beralamat di-Maktab S.O.A.S. Bandar Seri Begawan.

Dan d) Chegu Bahe bin Nurdin, Sekolah Melayu Sungai Kebun. — AHS

## *Bengkel drama Persatuan Pembela*

KUALA BELAIT. — Persatuan Pembela Kuala Belait buat pertama kalinya akan menganjorkan bengkel drama yang terbuka penyertaan-nya kapada belia2 di-daerah ini.

Belia2 dan beliawanis2 yang berumor 16 tahun ka-atas ada-lah di-pelawa untok menyertai-nya dan borang2 sekarang boleh di-perolehi dari pehak penganjor. — AHS.

BELIA DAN SOKAN

## *Kelab Ria lantek jawatankuasa*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kelab Ria Brunei telah mengadakan mashuarat tahunan bagi memileh ahli2 jawatankuasa baru-nya baru2 ini.

Dari keputusan mashuarat tersebut Awang Abas bin Haji Omar telah di-lantek menjadi yang Dipertua bagi persatuan tersebut. Naib Yang Dipertua ia-lah Awang Masri bin Haji Md. Salleh.

Setiausaha Agong bagi persatuan ia-lah Awang Suhaili bin Umar, Naib Setiausaha Agong Mr. L. Owen, Bendahari Agong — Haji Sulaiman bin Haji Abd. Wahab, Setiausaha Sosial — Awang Lim Pang Hoon sementara Setiausaha Sokan ia-lah Awang Zulkifli bin D. P. Haji Halim.

Enam orang ahli jawatankuasa biasa yang juga telah di-lantek ia-lah Pg. Othman bin Pg. Damit, Pg. Hashim bin Pengiran Tengah, Pengiran Metussin bin Pengiran Tuah, Awang Masri bin Abu Bakar, Awang Yassin bin Mustafa dan Awang Ibrahim bin Kassim.

Pelita juga telah di-fahamkan yang Kelab Ria Brunei akan membaharui keahlian-nya dengan Majlis Belia Belia Brunei. — AHS

## Pemilehan 3-regu sa-pasokan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perlawanan sepak takraw 3-regu sa-pasokan bagi memileh wakil2 Daerah Belait, Tutong dan Temburong akan di-adakan pada penghujong bulan ini.

Perlawanan tersebut ada-lah terbuka kapada jabatan2 kerajaan, sekolah2 dan maktab2 bagi mewakili daerah tersebut dalam achara Pesta Sokan '81 yang akan di-adakan bulan depan.

Pasokan2 yang ingin menyertai pemilehan tersebut ada-lah di-minta berhubong terus kapada Setiausaha Pertandingan, Pengiran Metassan bin Pengiran Bakar di-Pejabat Peranchang Bandar dan Negara di-sini sa-belum 23hb. April ini. — AHS



LIGA hoki antara unit pasokan Pulis Diraja Brunei telah bermula awal bulan ini. Ia-nya ada-lah di-anjorkan oleh Majlis Sokan Pulis Diraja Brunei dan telah di-sertai oleh lima buah pasokan. Gambar atas ia-lah perlawanan pasokan Pulis Chawangan Belait dengan Chawangan Bandar Seri Begawan.



# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Jawatan2 dalam Perkhidmatan Kerajaan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi beberapa jawatan2 kosong di-dalam Perkhidmatan Kerajaan, Brunei.

1. JURUTAIP :

Kekosongan2 terdapat di-Jabatan2 :—

(Setia Usaha Kerajaan di-Bahagian Yunit Peranchang Ekonomi, Pertanian, Perikanan dan Kewangan).

2. KERANI/JURUTAIP :

Kekosongan2 terdapat di-Jabatan : —

(Kemajuan Kerjasama; dan Perikanan).

**Kelayakan2 dan Pengalaman yang di-kehendaki bagi kedua2 jawatan tersebut**

1. Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 18 tahun hingga 35 tahun dan lulus Tingkatan III atau yang sebanding dengan-nya.
2. Boleh menaip sekurang2-nya 40 perkataan sa-minit.
3. Mempunyai kelayakan Trengkas ada-lah merupakan satu kelebehan.

**'Am-nya :**

Chalon2 yang berjaya hendak-lah bersedia untok berkhidmat di-mana2 sahaja di-dalam negeri.

**Tangga Gaji :**

D. 1-2-3 EB. 4-5—$425-440-455-470-485-500-515-535-555-580-605-630-655-720-755-790-825-860-900 / EB / 980-1010-1040-1070-1105-1140-1175-1200-1230-1260-1290.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 9hb Mei, 1981.

(E/104/81—Bil : 51/1981)

### TENDER NOTICE

1. TENDERS are invited for the supply of the following:

| Serial | Items | Qty | Size |
|---|---|---|---|
| | **SNCOS MESS FLOTILLA** | | |
| 1. | Entrance Hall Carpet | 1 | 48′ x 24′ 6″ |
| 2. | Stairs Carpet | 1 | 3′ x 42′ |
| 3. | Upper Lading Carpet (To include Passage Way to Toilets) | 1 | (i) 27′ 6″ x 15′ |
| | | 1 | (ii) 15′ x 27′ |
| | | 1 | (iii) 15′ x 23′ |
| 4. | Ante Room Carpet | 1 | 45′ x 24′ |
| 5. | Ladies Room Carpet | 1 | 13′ x 18′ |
| | **FURNISHING SURAU AT FLOTILLA** | | |
| 1. | Wall to Wall Carpet (Roll) | 1 | 34′ x 60′ |
| 2. | Wall to Wall Carpet (Roll) | 1 | 27′ x 16′ |
| 3. | Curtains | 18 | 128″ x 99″ |
| | **SOFT FURNISHING FOR KDB SETERIA** | | |
| 1. | Wall to Wall Carpet (for 6 rooms) | 6 | 696 sq ft |
| 2. | Curtains | 42 | 36″ x 24″ |
| 3. | Cushion Covers for Ward Room | 12 | 83″ x 24″ x 6″ |
| 4. | Mattress Cover for Officer and SNCOS room | 16 | 74″ x 27″ x 4″ |
| 5. | Mattress Cover for Crew Mess | 16 | 70″ x 24″ x 4″ |

2. Tender will received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan, at 4.00 pm. Saturday 18th April 1981.

3. Tender must be placed in a plain sealed envelope. There must be no indication on the envelope of the name of the tenderer. The envelope should be endorsed "SUPPLY OF ACCOMMODATIONS TO ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT BERAKAS REGIMENT."

5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### NOTIS TAWARAN

**TAWARAN MENIMBOK DAN MERUNTOH BUKIT TALAD JALAN KECHIL UKONG/ BUKIT, TUTONG**

PEMBORONG2 atau Sharikat2 ada-lah di-pelawa untok membuat pekerjaan yang tersebut di-atas.

Sharat2 penentuan (specification) bagi membuat kerja ini boleh di-perolehi di-Pejabat Daerah Tutong pada masa2 waktu bekerja.

Semua tawaran hendak-lah di-hantar kapada Pengerusi Lembaga Tawaran, di-alamat Pejabat Kewangan, Brunei dan hendak-lah di-masokkan ka-dalam sampol surat dengan di-tulis:—

TAWARAN MENIMBOK DAN MERUNTOH BUKIT TALAD JALAN KECHIL UKONG/BUKIT

Semua tawaran hendak-lah sampai kapada Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei tidak lewat daripada 21hb April, 1981 jam 4.00 petang.

### TENDER NOTICE

**DEPARTMENT OF ADAT ISTIADAT —**

TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei, up to 4.00 p.m. on 25th April, 1981 for THE SUPPLY AND INSTALLATION OF ADDITIONAL CLOSED CIRCUIT TELEVISION EQUIPMENT AT THE LAPAU (PHASE 2).

Tenders received after the above date will be rejected.

Specification and other information can be obtained from the office of the Superintendent Engineer, Radio Television Brunei, Bandar Seri Begawan Brunei, or The Protocol Officer, Department of Adat Istiadat, Bandar Seri Begawan Brunei.

Tender documents are to be enclosed in a plain sealed envelope and marked:—

TENDER FOR THE SUPPLY AND INSTALLATION OF ADDITIONAL CLOSED CIRCUIT TELEVISION EQUIPMENT AT THE LAPAU (PHASE 2).

The Government reserves the right to reject the lowest or any tender.

### PUBLIC WORKS DEPT. TENDER NOTICES

**No. 30 OF 1981**

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 21st April, 1981 for : —

CONSTRUCTION OF THE PROPOSED EXTENSION OF OFFICES FOR WEIGHT AND MEASURE, OFFICE BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan Brunei.

**No. 31 OF 1981**

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 21st April, 1981 for : —

CONSTRUCTION OF A 2-STOREY 12 CLASSROOMS SCHOOL BLOCK AND ANCILLARY WORKS AT SEKOLAH MELAYU LIMAU MANIS, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 32 OF 1981**

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 21st April, 1981 for : —

SITE PREPARATION AND CONSTRUCTION OF REINFORCED CONCRETE RETAINING WALL AND DRAIN FOR NEW GODOWN STATE STORE, GADONG, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 33 OF 1981**

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 21st April, 1981 for : —

SEWER CONNECTION IMPROVEMENT OF MUNICIPAL HALL, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 34 OF 1981**

TENDERS will be received by the Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 21st April, 1981 for : —

SUPPLY C.I.F. BRUNEI ONE (1) UNIT WHEEL TRACTOR WITH GRASS CUTTING IMPLEMENTS TO PUBLIC WORKS DEPARTMENT,

Tender documents may be seen and all particulars obtained at the office fo Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 35 OF 1981**

TENDERS will be received by the Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 21st April, 1981 for : —

SUPPLY C.I.F. BRUNEI TWO (2) UNITS SWAMP TRACTOR WITH DOZER.

Tender documents may be seen and all particulars obtained at the office fo Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 36 OF 1981**

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 21st April, 1981 for : —

CONSTRUCTION OF R.C. BRIDGE AND R.C. BOX CULVERT AT BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 37 OF 1981**

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 21st April, 1981 for : —

CONSTRUCTION OF R.C. BOX CULVERT AT MILE 7½, JALAN TUTONG, BRUNEI.

Tender documents may be seen and all particulars obtained at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 38 OF 1981**

TENDERS will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 28th April, 1981 for : —

PROPOSED INSPECTION SHEDS AND EXTENSION TO OFFICE AT LAND TRANSPORT DEPARTMENT, KUALA BELAIT.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 39 OF 1981**

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 28th April, 1981 for : —

CONSTRUCTION OF A 3-STOREY 12 CLASSROOMS SCHOOL BLOCK AND ANCILLARY WORKS AT SEKOLAH MELAYU SUNGAI HANCHING, JALAN MUARA, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

## Penolong Pegawai Balai

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Penolong Pegawai Balai di-Jabatan Pasokan Bomba, Brunei.

**Kelayakan2 :**

a) Umor — di-antara 18 hingga 26 tahun.
b) Tinggi — sekurang2-nya 5′ 4″.
c) Dada — sekurang2-nya 34″ bila di-kempiskan.
d) Lulus Tingkatan III atau yang sebanding dengan-nya dalam Bahasa Inggeris dan Darjah IV Melayu.

**Kesihatan :**

Pemohon2 mesti-lah ber[illegible] dan tegap dan sehat dan di-kehendaki lulus ujian kesihatan saperti yang di-kehendaki dalam Pasokan Bomba.

**Latehan :**

Chalon2 yang berjaya mesti-lah melayakan diri untok Kursus Latehan Pegawai yang akan di-adakan di-dalam negeri dan mungkin di-kehendaki menjalani latehan di-seberang laut.

**Tugas2 :**

Chalon2 yang berjaya apabila di-lantek akan di-kehendaki menjalankan tugas di-mana2 Balai Bomba di-dalam negeri.

**Tangga Gaji :**

P. 3 — $600-610-620-63[illegible]-650-675-700/EB/725-750-77[illegible]-800-825-850. Alaon 'P' [illegible] banyak $100.00 sa-bulan. Sekira-nya sa-seorang chalon yang berjaya itu ia-lah Pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan, gaji permulaan-nya akan di-pertimbangkan oleh Surohanjaya Perkhidmatan Awam.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini Satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 11hb Mei, 1981.

(E/134/73 — Bil : 54/1981)

### TENDER NOTICE

**SUNGAI TUTONG SCHEME STAGE 2 CONTRACT 27 INSTALLATION OF PIPEWORKS, VALVES, FLOW METERS AND CHAMBERS**

TENDERS for the installation of miscellaneous pipework, valves, water meters and chambers will be received from Class B contractors and above by the Chairman of the Tenders Board up to 12.00 hours on Tuesday 5th May, 1981.

Tender documents may be obtained from the office of the Senior Water Engineer, Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei. Applications for the documents must be accompanied by a tender deposit of B$500.00 payable to the Government of Brunei, which will be refunded following receipt of a bona fide tender and/or the return of the documents in good condition.

The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### NOTIS TAWARAN

TAWARAN2 ada-lah di-jemput bagi menjalankan pekerjaan mengangkat dan membuang najis2 (night-soil) sabanyak 274 tong di-dalam kawasan Lembaga Bandaran Kuala Belait dan 299 tong di-dalam kawasan Lembaga Bandaran Seria pada sebelah malam bagi enam bulan (Julai-Desimber, 1981).

2. Tawaran2 mesti-lah di-alamatkan kapada Pengerusi, Lembaga Tawaran di-Pejabat Kewangan Negara, Tingkat Bawah Bangunan Pejabat2, Bandar Seri Begawan, sahingga jam 4.00 petang pada hari Isnin, 4hb Mei, 1981. Tawaran yang di-terima sa-sudah tarikh atau waktu ini akan di-tolak.

3. Tawaran2 mesti-lah di-masokkan ka-dalam sampol2 surat biasa yang bertutop. Maka di-muka sampol surat itu tidak-lah boleh di-buat tanda yang boleh mengenalkan siapa nama penawar.

4. Sampol2 surat itu mesti-lah di-alamatkan kapada Pengerusi, Lembaga Tawaran (alamat penoh saperti di-terangkan di-fasal 2).

5. Kerja yang di-tawarkan mesti-lah di-sebutkan dengan terang di-atas sampol surat itu dan perkataan-nya mesti-lah "PEKERJAAN MENGANGKAT DAN MEMBUANG NAJIS DI-DALAM KAWASAN2 LEMBAGA BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA". Tawaran2 yang di-terima dalam sampol2 surat yang tidak di-alamatkan dengan betul akan di-tolak.

6. Surat perjanjian mengandongi peratoran2 atas menjalankan pekerjaan mengangkat dan membuang najis dapat di-lihat di-Pejabat Lembaga Bandaran, Kuala Belait pada bila2 masa bekerja.

7. Kerajaan tidak terikat untok menerima tawaran yang sa-habis rendah atau sebarang tawaran.

8. Dua buah kenderaan khas dengan dua pemandu akan di-sediakan oleh Jabatan Lembaga Bandaran Belait, untok melaksanakan pekerjaan mengangkat dan membuang najis itu dengan tidak di-kenakan apa2 bayaran.

### TENDER NOTICE

TENDERS are invited for the installation of electrical wiring at the Sinaut Agricultural Training Centre new workshop.

2. Tender specifications are available from the Farm Manager, Sinaut Agricultural Training Centre, Mile 21, Jalan Tutong.

3. Tenders should be submitted to the Chairman, Tenders Board, office of the State Financial Officer, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, not later than 12.00 noon Monday 20th April, 1981.

4. Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked "Tender for SATC new workshop electrical wiring — Agriculture Department — Confidential."

5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-JABATAN KEBAJIKAN BELIA DAN SOKAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan, Brunei.

1. PENGAJAR KANAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Pemohon2 mesti-lah mempunyai Sijil atau Diploma di-bidang perguruan atau yang sebanding dengan-nya mengajar orang2 buta dan chachat dan mempunyai sekurang2-nya 10 tahun pengalaman mengajar di-bidang ini.

b) Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai Diploma sa-bagai Guru Khas mengajar Orang2 Buta dan Chachat dari Institusi2 Pengajian yang di-akui atau di-iktiraf oleh Kerajaan, dan pemohon2 hendak-lah dari chalon2 yang telah dan sedang berkechimpong dengan perkhidmatan di-atas.

c) Pemohon2 mesti-lah berumor tidak kurang dari 35 tahun.

C. 3 EB. 4-5—B$1735-1795-1855-1915 - 1980 / E B / 2035-2095-2155 - 2215 - 2280 - 2335-2395-2455-2515-2580. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

2. PENGAJAR :

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya 4 mata pelajaran perengkat 'O' (Brunei Cambridge) atau yang sebanding dengan-nya.

b) Keutamaan akan di-beri kapada chalon2 yang mempunyai pengalaman dan latehan dalam bidang pengajaran 'Orientation' dan 'Mobility' bagi orang2 buta, atau berpengalaman di-bidang pertukangan kayu dan lain2 kemahiran saperti membaiki injin kereta, radio dan lain2.

c) Pandai bertutor dan menulis di-dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.

**Tangga Gaji :**

D. 3 EB. 4 — $720-755-790-825-860-900 / EB / 980-1010 - 1040-1070 - 1105 - 1140 - 1175. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

3. PENGUASA RUMAH BUDAK2 NAKAL :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 hendak-lah lulus sekurang2-nya satu mata-pelajaran Perengkat 'A' dan empat mata-pelajaran di-Perengkat 'O' Brunei Cambridge atau yang sebanding dengan-nya.

b) Faseh dan mahir menulis membacha serta bertutor dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.

c) Chalon2 yang mempunyai pengalaman2 yang tidak kurang dari 5 tahun dalam kerja2 kebajikan atau guru terlateh atau yang sebanding dengan-nya, ada-lah di-utamakan.

d) Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai pengalaman dan kerja2 serta urusan2 penjagaan dan pengendalian bangunan2 asrama.

e) Jawatan ini hanya terbuka kapada pemohon2 lelaki sahaja yang berumor tidak kurang dari 30 tahun.

**Tangga Gaji :**

C. 1 EB. 2 — B$1110-1155-1215 / E B / 1260-1305-1350 - 1395 - 1445 - 1495-1545-1615 - 1685. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

4. PEGAWAI ASOHAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Diploma Pengajian Sosial atau sijil penoh HSC atau pun lulus dua mata pelajaran di-perengkat 'A' dan dua mata-pelajaran di-perengkat 'O' dalam pepereksaan GCE (termasok lulus kertas 'am atau salah satu pengganti kertas 'am).

b) Chalon2 mesti-lah mempunyai kebolehan bertutor dan menulis dalam bahasa Inggeris dengan berkesan, dan mesti-lah juga boleh bertutor dalam bahasa Melayu. Kebolehan bertutor dalam bahasa/loghat2 lain merupakan satu kelebehan.

c) Chalon2 mesti-lah berumor tidak kurang dari 25 tahun.

d) Chalon2 yang layak untok di-pertimbangkan mengikuti perenggan (b) tetapi tidak mempunyai kelayakan2 pelajaran yang tersebut di-atas akan juga di-pertimbangkan dengan sharat mereka mesti-lah berumor tidak kurang dari 25 tahun dan mempunyai sekurang2-nya 7 tahun pengalaman dalam kerja2 kebajikan masharakat.

**Tangga Gaji :**

C. 2 EB. 3 — B$1260-1305-1350-1395 - 1445 - 1495 - 1545-1615 - 1685 / E B / 1735-1795-1855-1915-1980.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 30hb Mei, 1981.

(E/343/81 — Bil : 55/1981)

### TAWARAN MEMBUAT PAKAIAN SERAGAM UNTOK KAKI-TANGAN JABATAN LEMBAGA BANDARAN, BANDAR SERI BEGAWAN UNTOK TAHUN 1981

PEMBORONG2 tempatan ada-lah di-pelawa bagi menghantar tawaran mereka untok membekalkan pakaian seragam bagi kaki-tangan Jabatan Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan, bagi tahun 1981.

2. Semua tawaran hendak-lah di-hantar kapada Pengerusi Lembaga Tawaran di-alamat Pejabat Kewangan, Bandar Seri Begawan tidak lewat pada 22hb April 1981 jam 4.00 petang dan jika ada tawaran yang di-terima lewat dari tarikh di-nyatakan itu tidak akan di-layan, dan hendak-lah di-masokkan dalam sampol surat berdaftar (sealed) dan sampol surat tersebut hendak-lah di-tulis dengan perkataan "TAWARAN MEMBUAT PAKAIAN SERAGAM BAGI KAKI-TANGAN JABATAN LEMBAGA BANDARAN, BANDAR SERI BEGAWAN UNTOK TAHUN 1981" sahaja tanpa membuboh nama pengirim.

3. Pakaian seragam yang di-kehendaki itu ia-lah saperti berikut:—

1. Merinyu Kanan Bandaran
2. Merinyu Bandaran.
3. Pengawas Tingkat II.
4. Pengawas Letak Kereta.
5. Pengawas Kechil.
6. Mandor.
7. Atendan Letak Kereta.
8. Pemandu.
9. Operator Mesen Rumput.
10. Buroh.
11. Mekanik Workshop.

4. Keterangan2 lanjut dan borang2 tawaran boleh-lah di-perolehi daripada Jabatan Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan dan wang changkeram (deposit) sa-banyak $100.00 hendak-lah di-bayar ka-Jabatan Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan pada bila2 masa waktu pejabat di-buka.

5. Pemborong2 yang berjaya akan membekalkan pakaian seragam bagi tahun 1981 sahaja dan kerajaan tidak akan terikat menerima sebarang tawaran yang lebeh murah atau sa-umpama-nya.

### PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PELAJARAN, BRUNEI

TAWARAN akan di-terima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Brunei di-Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-hingga jam 4.00 petang 4hb Mei, 1981.

a. Menyambong pagar dari Asrama Perempuan ka-kawasan Perumahan Guru dan balek ka-bahagian block Pentadbiran Perdana Wazir English School Kuala Belait.

b. Memasang pagar dawai 6 kaki tinggi sekeliling bangunan sekolah padang permainan dan meluaskan pagar di-belakang bangunan Sekolah2 Melayu Bendahara Sakam Bunot, Brunei.

Pemborong tempatan kelas B yang berdaftar di-Jabatan Kerja Raya Brunei ada-lah di-utamakan. Wang chengkeram sa-banyak $200.00 sa-bagai terohan hendak-lah di-bayar dengan cheque pada hari pendaftaran. Sa-telah di-umomkan keputusan yang berjaya, maka wang chengkeram kapada yang tidak berjaya boleh-lah di-tuntut kembali.

2. Kapada penawar yang berjaya hendak-lah bersedia memulakan kerja2 tersebut dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pemberitahuan. Tuntutan hanya akan di-bayar sa-telah mendapat sokongan dan pengesahan dari Jabatan Kerja Raya Brunei.

3. Tawaran hendak-lah di-hadapkan melalui borang2 tawaran yang boleh di-dapati dari Ibu Pejabat Pelajaran Brunei bahagian kewangan.

4. Tawaran hendak-lah di-masokkan dalam sampul surat yang bertutop rapi dan alamatkan kapada Pengerusi Lembaga Tawaran Brunei saperti yang di-atas para 1. Sampul surat hendak-lah di-tulis dengan terang TAWARAN BAGI PEMBENAAN PAGAR KAWASAN SEKOLAH INGGERIS PERDANA WAZIR KUALA BELAIT DAN SEKOLAH MELAYU BENDAHARA SAKAM BUNOT, BRUNEI.

5. Nama penawar hendak-lah jangan di-tulis di-atas sampul surat dan ada-lah di-ingatkan sa-barang tawaran yang di-alamatkan dengan tidak betul tidak akan di-layani. Dalam hal ini juga Ktrajaan tidak akan terikat untok menerima man2 tawaran yang paling rendah sekali.

### TENDER NOTICE ELECTRICAL DEPT.

**SERIAL No. 18/1981**

TENDERS will be received from registered Stevedoring or Hauling Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 21st April, 1981 for :

TRANSPORTING OF ELECTRICAL MATERIALS OR EQUIPMENT FROM MUARA PORT TO GADONG ELECTRICAL STORES AND TO ANY POINT IN BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of the Chief Electrical Engineers, Bandar Seri Begawan, Brunei. Tender deposit wil be $500.00.

Tender received after the stated time will be rejected.

Tenders shall be submitted in a plain sealed envelope and marked : —

TRANSPORTING OF ELECTRICAL MATERIALS OR EQUIPMENTS.

### PEMBERITAHUAN TAWARAN

**SERIAL No. KB. 2/1981**

TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada Kontrektor2 Kelas AX sahaja dan ka-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari pada 28hb April, 1981 bagi : —

PEMBENAAN LONGKANG BERSIMIN (R.C. STORM DRAINS) JALAN SERIA/ KUALA BELAIT.

Surat2 keterangan serta butir2 lain boleh di-lihat dan di-dapati di-Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

**SERIAL No. KB. 2/1981**

TENDERS will be received from Class AX only and above Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 28th April, 1981 for : —

CONSTRUCTION OF R.C. STORM DRAINS ALONG JALAN SERIA, KUALA BELAIT.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Kuala Belait.

## Sa-bagai Pembantu Pelateh Teknik

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Pembantu Pelateh Teknik di-Jabatan Letrik, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah mempunyai Sijil 823 City and Guilds atau kelulusan yang sebanding dengan-nya.

ATAU

Lulus mata-pelajaran Sains dalam pepereksaan 'O' level.

Pemohon2 yang berjaya akan menjalani latehan asas di-Jabatan Letrik dan di-kehendaki juga menghadhiri kursus2 teknikal sa-chara penoh masa di-sekolah teknikal tempatan dan/atau di-seberang laut.

**Tangga Gaji :**

D. 1-2 — $425-440-455-470-485-500-515-535-555-580-605-630-655.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 14hb Mei, 1981.

(E/424/80 — Bil. 56/1981)

### ROYAL BRUNEI POLICE FORCE
**TENDER NOTICE No. 5/1981**

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Government Office, Bandar Seri Begawan, up to 4.00 p.m. on Saturday, 25th April, 1981 for the supply and delivery of the following:—

**From One (1) to Fifteen (15) units of Saloon Cars/ Station Wagons for Police Highway Patrol purposes.**

Specifications:
Right hand drive
Automatic/Manual Transmission
Petrol Engine
Colour : Police Blue.

2. For further particulars please contact the Force Procurement Officer, Police HQ, Gadong.

3. Approximate date of delivery must be stated. All prices quoted on C.I.F.

4. Tender must be placed in sealed envelope. There must be no indication on the cover of the tenderer. The cover must be addressed to : —

The Chairman,
Tenders Board,
c/o State Financial Officer,
Ground Floor,
Bandar Seri Begawan

and clearly marked:
"ROYAL BRUNEI POLICE FORCE SUPPLY OF VEHICLES".

5. Any tender received in envelope not properly addressed will be rejected.

6. Government does not bind itself to accept the lowest of any tender.

### SUPPLY AND INSTALLATION OF CINEMA CHAIRS FOR THE PROPOSED CINEMA/LECTURE THEATRE, BERAKAS CAMP, BRUNEI

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board, Brunei from Specialist and Local Agent of Manufacturers and Registered Public Works Department Contractor Class 'AX' and above for the above mentioned works up to 12.00 noon, 5th May 1981 (Tuesday).

2 Tender documents consisting of Bills of Quantities and ⅛" scale working drawing can be obtained from the office of Ho Kwong Yew dan Anak2 Akitek, Chartered Architects, 406, Bangunan Guru2 Melayu, Jalan Kianggeh, Bandar Seri Begawan, Brunei.

3. All other detailed drawings are displayed and can be examined at the said office.

4. The tender deposit will be Brunei $500.00 (Dollars Five Hundred Only) in the form of a "cashier's order" issued by a Bank, made payable to the Government of Brunei. The said deposit will be refunded to all unsuccessful tenderers upon receipt of a bona fide tender and return of deposit receipt and tender drawings to the Architect's office. The tender deposit will be forfeited from any tenderer who fails to submit a tender or fails to submit a bona fide tender or fails to return the Tender Documents to the Architect's office before the closing date.

5 The tender deposit will NOT be refunded to the successful tenderer, and the said deposit will be paid to the Government to be credited to the relevant project vote.

6. Tenders must be submitted on the Tender Form together with the Bills of Quantities provided and must reach the office of the Chairman, Tenders Board, Brunei, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 5th May 1981 (Tuesday). Tenders received after the stipulated time will be rejected.

7. Tenders shall be enclosed in a plain sealed envelope bearing no indication of the name of the tenderer and shall be marked clearly: — "TENDER FOR SUPPLY AND INSTALLATION OF CINEMA CHAIRS FOR THE PROPOSED CINEMA/LECTURE THEATRE, BERAKAS CAMP, BRUNEI."

8. Our Client, the Government of Brunei, does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### SUPPLY AND INSTALLATION OF SUSPENDED CEILING FOR THE LOGISTICS DEPOT AT THE ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT, BERAKAS CAMP

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei up to 12.00, noon on Tuesday, 28th April, 1981 for : —

SUPPLY AND INSTALLATION OF SUSPENDED CEILINGS FOR THE LOGISTICS DEPOT AT THE ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT BOLKIAH CAMP.

2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

3. Tenders are to be placed in a sealed envelope bearing no indication of the name and address of the tenderer, marked clearly "TENDER FOR SUPPLY AND INSTALLATION OF SUSPENDED CEILINGS FOR THE LOGISTIC DEPOT AT THE ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT BOLKIAH CAMP.

4. Tender Documents may be obtained from the office of Ho Kwong Yew dan Anak2, Chartered Architects, Room 406, Bangunan Guru2 Melayu Brunei, Jalan Kianggeh, Bandar Seri Begawan, during normal working hours, no documents will be handed out after 24th April, 1981.

5. The Tender Deposit will be $500.00 which will be refundable to each unsucessful tenderer but forfeited from any tenderer who fails to submit a tender and/or fails to return the Tender Documents to the Architect before the closing date.

6. Tenders shall be submitted only on the Form of Tender provided.

7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Sa-bagai Penolong Pegawai Pepereksaan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Penolong Pegawai Pepereksaan di-Pejabat Lembaga Pepereksaan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Pemohon2 mesti-lah mempunyai kelulusan sekurang2-nya 4 mata-pelajaran Sijil 'Am Pelajaran Brunei Cambridge/London G.C.E. Perengkat Biasa dalam sekali dudok pepereksaan tersebut dan mendapat pangkat lulus dalam mata-pelajaran Bahasa Inggeris dan Melayu atau telah mendapat Sijil Penoh Cambridge School Certificate/Malaysian Certificate of Education (M.C.E. aliran Inggeris) dan mendapat pangkat lulus dalam Bahasa Inggeris. Pemohon2 mesti-lah telah berkhidmat sekurang2-nya sa-lama 5 tahun dalam perkhidmatan Kerajaan.

b) Mempunyai kelulusan Sijil Pepereksaan Perdagangan Perengkat Tertinggi dalam pelajaran Menaip dan Trengkas; mempunyai Sijil Perguruan dan pernah dilateh menjadi pemarkah dalam pelajaran perdagangan oleh mana2 Kementerian Pelajaran.

c) Mempunyai pengalaman dalam pemarkahan Pepereksaan Sijil Perdagangan Brunei sa-lama dua tahun dan mempunyai pengalaman dalam menyediakan kertas soalan bagi pepereksaan yang tersebut (sebutkan butir2 pengalaman itu).

d) Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang boleh menguasai dua bahasa ia-itu Melayu dan Inggeris.

**Tugas2:**

Chalon2 yang berjaya dikehendaki membantu Pegawai Pepereksaan untok mengelolakan pentadbiran pepereksaan awam yang di-kelolakan oleh badan2 pepereksaan luar negeri (United Kingdom; Singapura dan lain2) termasok urusan surat menyurat dalam bahasa Inggeris dengan badan2 yang tersebut, dan untok mengendalikan Pepereksaan Sijil Perdagangan Brunei.

**'Am:**

Chalon2 yang berjaya mesti-lah bersedia untok bertugas pada bila2 masa di-luar waktu pejabat, termasok kerja2 rengan dan berat.

**Tangga Gaji:**

T. 3 — $1240-1280 - 1320 - 1360-1400-1450 - 1500 / E B / 1560-1620-1680-1740-1800.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 2hb Mei, 1981.

(E/1366/76)
(Bil: 45/1981)

## TENDER NOTICE

### DEPARTMENT OF EDUCATION
### PRIMARY EDUCATION SECTION
### TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, State Secretariat, Brunei, up to 12.00 noon on 30th May, 1981 for the following items: —

**Specification**

a) **39 units Portable Electric Generators**
1,500 watt
Engine: 4 stroke, single cylinder gasoline, SV, blower air cooled.
Output: 4.5hp/4,000rpm maximum, 3.3hp/3,600rmp rated
Fuel Tank Capacity and Consumption: 4.1 (1 US gallon, 0.9 Imp. gallon) 3 hours supply.
Starting — Recoil with easy starting system.
Guarantee — how many years.
Spare parts and Service/Maintenance—available or not.

b) **10 units Complete Set Public Address System (DC Battery)**
1 No. Mixer Power Amplifier c/w Microphone
2 Nos. Horn Speaker
Stand and 100 yards cable.
2 Nos. Undirectional Microphone c/w Floor Stand with Boom and Microphone Cable.

2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.
3. Tenders must be placed in plain sealed envelopes and tenderers must tender for each item separately using separate envelopes, and each envelope must be clearly marked for each item. There must be no indication on the name of tenderers.
4. The date of delivery after an order is placed and the cost C.I.F. Education Department Store, Bandar Seri Begawan, Brunei, price should be clearly stated.
5. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## SALE BY TENDER OF UNSERVICEABLE STORES

**LOT 68**

1. Please submit your tender for items of unserviceable stores shown below.
2. Tenders are to be submitted to the Commander RBMR and placed in the Guard Room Tender Box Berakas Camp by 1100 hrs Friday 24th April 1981.
3. Tenders received after this time will be rejected.
4. Tenders must be placed in a plain sealed envelope and there must be no indication on the cover of the name of the tenderer.
5. All envelopes must be endorsed Lot 68 RBMR.
6. Goods can be inspected at the Return Stores Sub-Depot Bolkiah Camp until 1600 hrs Thursday 23rd April 1981.
7. All goods are offered "As Lying" and must be removed by successful tenderer within 14 days of notification.

| | | |
|---|---|---|
| 1 | Single Mattress R/F | 436 |
| 2 | Double Mattress R/F | 179 |
| 3 | Pillow R/F | 590 |
| 4 | Cushion seat/back | 106 |
| 5 | Watch, stop watch and wall clock | 23 |
| 6 | Bino S/No. 76941 and 779 | 2 |
| 7 | Bunk Bed and Bed stead iron folding | 100 |
| 8 | Chair plastic, steel folding, Draughtsman and Aluminium | 195 |
| 9 | Chair Executive, typist and clerical | 15 |
| 10 | Double Pedestal and Typist Desk | 2 |
| 11 | 3 and 4 Ring Electric Cooker | 41 |
| 12 | Cinemas Screen with stand large and small | 4 |
| 13 | Plastic and Food Container Insulated | 14 |
| 14 | Projector B/H and Speaker | 6 |
| 15 | Filing Cabinet, steel cupboard and Steel locker | 17 |
| 16 | Water Heater | 47 |
| 17 | Refrigerator | 9 |
| 18 | Air Conditioner | 15 |
| 19 | Bicycle | 1 |
| 20 | Suit Case | 19 |
| 21 | Gas Rice Cooker and Kawali Cooker | 59 |
| 22 | 6 and 2 Hot plate Gas Cooker | 4 |
| 23 | Water Cooler | 5 |
| 24 | Hoover Cleaner | 4 |
| 25 | Urn Tea | 3 |
| 26 | 2 Plate Cooker and Oven | 182 |
| 27 | Wall Fan, Ceiling Fan, Table Fan and Stand Fan | 237 |
| 28 | Kettle Electric | 5 |
| 29 | Gas Container | 6 |

## Sa-bagai Pengurus Pengendalian Komputer

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Pengurus Pengendalian Komputer di-Yunit Peranchang Ekonomi, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Mempunyai ijazah universiti atau kelulusan ikhtisas serta pengalaman yang luas mengenai komputer dan sistem2 komputer di-perengkat pengurusan, dan pengetahuan mengenai sistem kira-mengira Kerajaan.

**Tangga Gaji:**

B. 3 — B$3350-3445 - 3540 - 3640.

**Sharat2 Lantekan:**

Chalon2 yang bukan terdiri dari raayat Brunei akan ditawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25 peratus sa-telah genap tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 9hb Jun, 1981.

(E/369/81 — Bil: 57/1981)

## Sa-bagai Pembantu Kanan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Pembantu Kanan Perkembangan Ugama di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

1. Chalon2 hendak-lah berumor tidak kurang dari 25 tahun.
2. Chalon2 hendak-lah mempunyai salah satu daripada kelayakan2 berikut:—
   i) Sijil Pelajaran Ugama Brunei.
   ii) Sijil 'Am Pelajaran Perengkat Biasa dengan mendapat kelulusan empat mata-pelajaran termasok mata-pelajaran Pengetahuan Ugama Islam.
   iii) Mana2 Sijil yang sebanding dengan sijil2 di-atas.
3. Hendak-lah mempunyai pengalaman dalam urusan2 pada menyediakan bahan2 siaran Ugama di-Radio dan Talivishen atau dalam bahagian kawalan dan tapisan ka-atas bahan2 yang berkaitan dengan Ugama yang di-bawa masok ka-negeri ini;
4. Hendak-lah tahu menulis dan membacha jawi;
5. Chalon2 yang tidak mempunyai kelayakan saperti di-para (2) di-atas, tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari lima tahun dan mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang penerangan dan tabligh atau dalam bahagian kawalan dan tapisan ka-atas bahan2 yang berkaitan dengan Ugama yang di-bawa masok ka-negeri ini boleh lah di-pertimbangkan.

**Tangga Gaji:**

C. 1-2 EB. 3 — $1110-1155 1215-1260-1305 - 1350 - 1395 - 1445-1495-1545 - 1615 - 1685/ EB / 1735-1795 - 1855 - 1915 - 1980.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyatakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 30hb April, 1981.

(E/560/77 — Bil: 48/1981)

## SUCCESSFUL TENDERS

1. Supply of rations for Place Detention — Aw Hj ... Talip bin Md Ali—$8.95 per person-day.
2. Electrical Installation, Firemen's Housing, Internat... Airport — Progress Electrical Co—$73,225.00.
3. Erection of 21 ft tubular steel and jubilee alum... poles at International Airport — Liew Nyuk Se... $13,226.00 — 7 weeks.
4. Electrical installation, Staff Housing, Platform 45, N... Hospital — Progress Electrical Co — $109,398.
5. Proposed Band Block, Bolkiah Camp — Messrs Ng & T... Co $2,288,338.39 — 15 months.
6. Secondary science school, KB — site clearance and ea... works—Ha Tung Meu Construction Co — $1,298,92...
7. Miscellaneous support facilities for installation of ... instrument landing system at International Airport — ... Kok Seh Const Co Ltd — $123,800.00 — 6 weeks.
8. Supply of 6 portable lubricating equipment — Hock H... Hing Auto Co — $207,655 — 8-14 months.
9. Construction of various structures between Jalan Sto... and Jalan Pemancha — $555,894.80 — 8 months.
10. Construction of RC plinths to 66KV substation at Ja... Gadong — Chan Wing Const Co — $15,500 — 6 wee...
11. Raw sewage pumps and miscellaneous M & E w... for Main Sewers Extension, Jalan Berakas — Environ ... Ltd — $603,967.
12. Construction of Penanjong Cantonment — Water Su... Scheme — Messrs Guma Pte Ltd — $5,294,497.40 — ... months.
13. Kitchen equipment for Boys Home — Welfare Hom... Kwek Eng — $163,474.
14. Air Conditioning of Lecture Theatre/Cinema, Beraka... Borneo Air Cond & Eng Co $78,243 — 4 months.
15. Passenger lift installation for Dewan Bahasa — GEC ... — $170,450 — 61 weeks.
16. Unskilled workgroups — Saho General Contracto... $618.20 per day.
17. Watson (SE Asia) tender for BSB and KB Water Su... — Contract No. 8 — Hume Industries — $9,291,673...
18. One unit 2.5 litre command car and two L/Pump veh... — Boustead Trading (S) Ltd — $24,856 for the comm... car and $160,462 for 2 units Light Pump Vehicles.
19. Electrical installation to Primary School, Kiudang — ... Jong Elec Co — $199,267.45 — 36 weeks.
20. Electrical installation at OPD/CSL, New Hospital — G... Pte Ltd — $2,603,341.00.
21. Supply of wooden furniture 1981 — Fashion Furni... Mfg & Trading Co — $806.00 — 2 months.
22. Brisma International for PA System, curtain and scr... for Lecture Theatre/Cinema, Berakas Camp — Ch... Radio Service — $71,731 — 4 months.
23. Erection of 28 and 35ft tubular steel poles, Luahan P... ject — Sh Morni — $27,186 — 2 months.
24. Construction of Concrete hardstanding around works... at Sinaut — Mas Construction — $47,389 — 2 month...
25. Transport and stevedoring of parcels — Wharf Lab... Co — $35.00 per trip — transportation — 0.80 per ... — stevedoring.
26. Earthfill to Limau Manis-Lumapas Road — Tumasek G... Co — $606,900 — 10 months.
27. Laying of 6" and 4" UPVC pipe from Jalan Gadong ... Kg Mata-Mata — United Contractor Co — $39,447.60 — 2 months.
28. Lift installation, National Stadium — Kwek Eng — $670,000.
29. Lift installation, OPD/CSL, New Hospital — General E... Co — $403,400.
30. Proposed Malay School for 1st Flotilla Base — Pg T... bin Pg Bungsu & Anak2 — $4,154,123 — 18 months.
31. Supply of 10 front dozer blade assemblies for SG1... motor granders — Messrs Hargill Malaysia — $6,855,0... 5-6 weeks.
32. Akitek Bersatu tender for New Officers' Mess, Seria — L & L Eng Corporation — $1,994,058.58 — 9 month...

## PEMBERITAHUAN TAWARAN
### LEMBAGA BANDARAN B.S.B. BRUNEI

TAWARAN2 ada-lah di-pelawa untok membekalkan kenderaan2 bagi kepunyaan Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan.

Membekalkan CIF Brunei:—
i) Two (2) units Refuse Collector Truck 4-5 ton capacity.
ii) One (1) unit Truck—Mounted Refuse Collector 6-7 ton capacity.
iii) One (1) unit Wheel-Loader.
iv) One (1) unit Tractor with bulldozer.
v) Four (4) units wheel Tractor.
vi) Fifteen (15) units Refuse—Collector Trailer Type.
vii) Two (2) units Long Wheel base Truck 2 ton load.
viii) Four (4) units Tipper Truck 5 ton capacity.

2. Keterangan lanjut mengenai dengan penantuan2 (specifications) bagi kenderaan ini boleh-lah di-dapati dari Pejabat Bandaran, Bandar Seri Begawan, Brunei pada bila2 masa pejabat di-buka.
3. Tawaran2 hendak-lah di-masokkan dalam sampul surat yang bertutop dan alamatkan kapada Pengerusi Lemba... Tawaran Brunei di-alam... Jabatan Kewangan Nega... Brunei dengan terang di-n... takan 'Membekalkan Ken... raan Untok Lembaga Ba... daran, Bandar Seri Begawa... dengan tidak ada tand... yang menunjokkan nam... penawar di-sampul surat ... Dan tawaran2 itu hendak-l... di-hantar tidak lewat ... 28hb April, 1981 jam 12 tengah hari. Tawaran2 ya... di-terima lewat pada tar... dan waktu yang di-tetapk... di-atas tidak akan di-laya...
4. Wang chengkeram ... banyak $200.00 hendak-l... di-bayar kapada Jabatan Le... baga Bandaran, Bandar S... Begawan pada bila2 masa p... jabat di-buka.
5. Sharikat2 yang mengh... tar tawaran mereka ada-... di-kehendaki menghantar ... talogue (gambar) jenis ke... deraan tersebut yang ... tawarkan berserta dengan ... tir2 berikut:—
   i) Tarikh sampai.
   ii) Harga CIF Brunei.
   iii) Lama dalam jamina...
   iv) Lain2 hal, jika ada.
6. Kerajaan tidak akan ter... kat untok menerima tawara... yang paling murah atau s... barang tawaran.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Sa-bagai Atendan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Atendan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

**Kelayakan2 :**

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah V Sekolah Melayu dan juga mempunyai sedikit pengetahuan dalam Bahasa Inggeris.

**Tugas2 :**

Chalon2 yang terpileh akan di-tempatkan di-Rumah2 Sakit Kerajaan, Gedong2 Ubat dan di-Kelinik Kesihatan. Mereka mesti-lah bersedia menjalankan tugas sama ada siang atau malam di-mana2 daerah di-negeri ini.

**Tangga Gaji :**

F. 2-3-4-5 EB 6.— $390-400-410-420-430-440-450-460-470-490-500-510-520-530-540-560/EB/570-580-590-600-610-620.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 9hb Mei, 1981.

(E/1053/73 — Bil : 53/1981)

## TENDER NOTICE

### EXECUTION AND COMPLETION OF EARTHWORK, DRAINAGE, ROADWORK AND ASSOCIATED WORKS FOR MUARA SECONDARY SCHOOL

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from P.W.D. registered Class Contractors for the above works upto 12.00 noon, 21st April 1981 (Tuesday).

Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tenders must be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "Execution and Completion of Earthwork, Drainage, Roadwork and Associated Works for Muara Secondary School."

Tender documents may be obtained from the office of Messrs Associated Consultants . Ltd., Chartered Engineers, , 1st Floor, Seri Temasek, i Complex, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan from April 1981 during normal office hours.

The tender deposit shall be B$1,000.00 (Brunei Dollars: e thousand only) in the form of Bank draft in favour of the Government of Brunei. The Tender Deposit will not be refunded to the successful tenderer, and the said deposit will be paid to the Government to be credited to the relevant project vote.

7. The Tender Deposit will be refunded to all unsuccessful tenderers who have submitted bona-fide tenders and who have return the tender drawings in satisfactory condition to the Engineer's Office.
8. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN

### TAWARAN BAGI MEMBUAT PONDOK BAS DAN MENYIMEN BAHAGIAN BAWAH PONDOK BAS DAERAH TUTONG

PEMBORONG2 atau Sharikat2 yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya ada-lah di-pelawa untok membuat pekerjaan yang tersebut di-atas.

Sharat2 penentuan (specification) bagi membuat kerja ini boleh di-perolehi di-Pejabat Daerah Tutong pada masa2 waktu pejabat di-buka.

Semua tawaran hendak-lah di-hantar kapada Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di-alamat, Pejabat Kewangan, Bandar Seri Begawan dan hendak-lah di-masokkan ka-dalam sampol surat dengan di-tulis : —

TAWARAN BAGI MEMBUAT PONDOK BAS DAN MENYIMEN BAHAGIAN BAWAH PONDOK BAS DAERAH TUTONG.

Semua tawaran hendak-lah sampai kapada Pengerusi Lembaga Tawaran Brunei tidak lewat daripada hari Khamis, 30hb April, 1981 jam 4.00 petang.

## ELECTRICAL DEPT TENDER NOTICE

### TENDER No. 15/1981

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from the registered Electrical Wiring Contractors, Class "A" and "B" up to 12 noon on Tuesday, 28th April, 1981 for the following : —

ELECTRICAL INSTALLATION FOR ONE BLOCK OF FURNITURE STORE AT OLD AIRPORT ROAD, BRUNEI.

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan.

The tender documents to be placed in a plain envelope addressed to the Tenders Board. The envelope to be clearly marked : —

"TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION FOR ONE BLOCK OF FURNITURE STORE AT OLD AIRPORT ROAD, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender deposit of $100.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

## TENDER NOTICE

### TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION FOR RENOVATION AT BOLKIAH CAMP FOR WOMEN COMPANY ACCOMMODATION

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Class 'A' or 'B' Electrical Contractors up to 12.00 noon, 28th April 1981.
2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.
3. Tenders must be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION FOR PROPOSED RENOVATION AT BOLKIAH CAMP FOR WOMEN COMPANY ACCOMMODATION.'-
4. Tender documents may be obtained from the office of Messrs Brisma International Consultants, F12, Seri Temasek, Seri Shopping Complex, Begawan, Brunei from 11th Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 15th April 1981 onwards during normal office hours.
5. The Tender Deposit shall be B$500.00 (Brunei Dollars Five Hundred Only) in the form of Bank Draft in the name of the Government of Brunei. The tender deposit will not be refunded to the successful tenderer.

The tender deposit shall be returned to all unsuccessful tenderers who have submitted bona-fide tenders and who have returned the tender drawings in satisfactory condition to the Engineer's office.

6. Prior to the issue of tender document, each tenderer will be required to produce documentary evidence that he is a Class 'A' or 'B' Electrical Contractor.
7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION FOR NEW OFFICERS MESS ARMY WORK, SERIA

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Class 'A' or 'B' Electrical Contractors up to 12.00 noon, 5th May, 1981.
2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.
3. Tenders must be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION FOR NEW OFFICERS MESS ARMY WORK, SERIA."
4. Tender documents may be obtained from the office of Messrs. Brisma International Consultants, F12, Seri Temasek, Seri Shopping Complex, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 15th April 1981 onwards during normal office hours.
5. The tender deposit will be B$500.00 (Brunei Dollars: Five Hundred Only) in the form of Bank Draft drawn in the name of the Government of Brunei. The tender deposit will not be refunded to the successful tenderer.

The tender deposit will be refunded to all unsuccessful tenderers who have submitted bona-fide tenders and who have return the tender drawings in satisfactory condition to the Engineer's Office.

6. Prior to the issue of tender document, each tenderer will be required to produce documentary evidence that he is a Class 'A' or 'B' Electrical Contractor.
7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TENDER FOR AIRCONDITIONING INSTALLATION FOR NEW OFFICERS MESS ARMY WORK, SERIA

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Class 'A' or 'B' Airconditioning Contractors up to 12.00 noon 12th May 1981.
2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.
3. Tenders must be submitted in sealed envelope bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR AIR-CONDITIONING INSTALLATION FOR NEW OFFICER MESS ARMY WORK, SERIA."
4. Tender document may be obtained from the office of Messrs Brisma International Consultants, F12, Seri Temasek, Seri Shopping Complex, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 22nd April 1981 onwards during normal office hours.
5. The tender deposit shall be $500.00 (Brunei Dollars Five Hundred Only) in the form of Bank Draft in the name of the Government of Brunei. The tender deposit will not be refunded to the successful tenderer.

The Tender Deposit shall be returned to all unsuccessful tenderers who have submitted bona-fide tenders and who have returned the tender drawings in satisfactory condition to the Engineer's Office.

6. Prior to the issue of tender document each tenderer will be required to produce documentary evidence that he is a Class 'A' or 'B' Airconditioning Contractor.
7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## 1981 BRUNEI TELEPHONE DIRECTORY

THE Director of Telecommunications wishes to announce to the public that the 1981 issue of the Brunei Telephone Directory is now available for collection.

Subscribers wishing to collect their directories should bring their Directory Entitlement Slip. (Page 5 of the 1980 Telephone Directory).

Directories may be collected by subscribers from the 15th April, 1981 from the following Telecoms centres:

| | |
|---|---|
| Brunei/Muara District ... | Telecoms Sales Office Jalan Sultan, Bandar Seri Begawan. |
| Belait District ... ... | Telecoms Office, Kuala Belait. |
| Tutong District ... ... | Telecoms Office, Tutong. |
| Temburong District ... | Telecoms Office, Bangar. |

## Department of Agriculture Tender Notices

TENDERS are invited for the supply of the following poultry foodstuffs to the Department of Agriculture for a period of one(1) year : —

1) Starter (chicks) — (Mash or Crumbles) — 10 tons and upwards
2) Growers — Pellets — 10 tons and upwards
3) Layers (complete) — (Pellets) or (Mash) — 20 tons and upwards.
4) Broiler (starter) — (Pellets or Mash) — 10 tons upwards.
5) Broiler (Finish) — (Pellet or Mash) — 20 tons and upwards.

All feeds should be fresh, of good quality, free of contaninants and confirm to the analysis given below. Feed should be packed in 40 or 50 kg. bags, new and of good quality. Tenders must be prepared to supply in mixed 5 tons on request and deliver to the Sinaut Agricultural Training Centre, Mile 21, Jalan Tutong, Mentiri Station, Luahan Project, Jerudong.

**FEED ANALYSIS**
**FEED QUALITY OR NUTRITIVE VALUE OF FEED**

| Analysis | Starters (chicks) | Grower | Layer (complete) | Broiler (Start) | Broiler (Finish) |
|---|---|---|---|---|---|
| Moisture | 12–13 | 12–13 | 12–13 | 12–13 | 12–13 |
| C. Protein | 20% | 16% | 16% | 22% | 20% |
| C. Fat | 5% | 5% | 5% | 7–8% | 7–8% |
| C. Fibre | 5% | 5% | 5–6% | 3.5% | 3.5% |
| Lysin | 1.0 | 0.8 | 0.7 | 1.2 | 1.0 |
| Methionine | 0.45 | 0.32 | 0.28 | 0.50 | 0.45 |
| Tryptophan | 0.2 | 0.16 | 0.11 | 0.25 | 0.20 |
| Ash | 8% | 10% | 14% | 8% | 8% |
| Ca | 1 | 1 | 2.3.5 | 1 | 1 |
| P. | 0.7 | 0.6 | 0.8 | 0.8 | 0.7 |

Tender should be submitted in a sealed envelopes marked "Department of Agriculture Poultry Feeds" to the Chairman, Brunei Tenders Board at the office of the State Financial Officer Ground Floor of the State Secretariat, Bandar Seri Begawan, not later than 18th April, 1981.

The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

TENDERS are invited for the supply of the following fertilizers to the Department of Agriculture, Brunei : —

1. Urea (46% N) — 250 tons and upwards.
2. Rock Phosphate (Minimum 36% P2 05) — 150 tons and upwards.
3. Muriate of Potash (Minimum 58% K2 0) — 150 tons and upwards.
4. Kieserite (Minimum 27% Mg 0) — 100 tons and upwards.
5. Triple superphosphate (Minimum 36% P2 05) — 20 tons and upwards.
6. Sulphate of potash — magnesia (Minimum 26% K2 0, 9% Mg 0) — 30 tons and upwards.
7. Agricultural grade Magnesian Limestone (Analysis to be stated) — 30 tons and upwards.
8. Agricultural grade Limestone (Analysis and fineness to be stated) — 1000 tons and upwards.
9. Molybdenised supers — 20 tons and upwards.

2. Suppliers should submit quotations giving the following information : —
   (a) Price c.i.f. Muara Port.
   (b) Price c.i.f. Agricultural Stores Kilanas Station.
   (c) Size/capacity of bags.
   (d) Type of bags to be used with details of quality grade.
   (e) Date of delivery
   (f) Source of materials to be supplied.
3. Tenders should be accompanied by a certificate of analysis by a registered analytical chemist recognised in Malaysia, Singapore or equivalent.
4. Suppliers must undertake to supply not less than 2% empty bags and to replace or rebag any broken containers at their own charge. Suppliers will be responsible for protection of fertilizers from adverse weather at port of unloading and in transhipment to Departmental Stores.
5. Tenders should be submitted to the Chairman, Brunei Tenders Board, office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan not later than 12.00 noon Wednesday 22nd April, 1981.

Tenders should be marked "Agricultural Department Fertilizers — Confidential."

6. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## Sa-bagai Jurutaip di-AMDB

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Jurutaip di-Askar Melayu Diraja Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman bekerja sa-bagai Jurutaip atau Kerani di-Jabatan2 Kerajaan sekurang2-nya sa-lama tiga tahun.
b) Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 18 tahun hingga 35 tahun dan lulus Tingkatan III atau yang sebanding dengan-nya.
c) Boleh menaip sekurang2-nya 40 perkataan sa-minit dan mempunyai kelayakan Trengkas ada-lah merupakan satu kelebehan.

**'Am-nya :**

Chalon2 yang berjaya hendak-lah bersedia untok berkhidmat di-mana2 sahaja di-dalam negeri.

**Tangga Gaji :**

D. 1-2-3 EB. 4-5—$425-440-455-470-485-500-515-535-555-580-605-630-655-720-755-790-825-860-900 / EB / 980-1010-1040-1070-1105-1140-1175-1200-1230-1260-1290.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 9hb Mei, 1981.

(E/103/81—Bil : 52/1981)



KELIHATAN Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Othman bin Bidin sedang menyampaikan hadiah kapada Awg Hashim bin Haji Hassan, salah sa-orang pemenang daripada dua orang wakil Pasokan Bomba yang akan menyertai peraduan membacha Al Kor'an antara Jabatan2 Kerajaan. Awang Mansor bin Haji Damit ia-lah salah sa-orang peserta yang mengambil bahagian dalam peraduan tersebut (gambar bawah).



# MUSABAQAH AL-KOR'AN PASOKAN BOMBA

MUARA. — Musabaqah Membacha Kitab Suchi Al-Kor'an bagi Pasokan Bomba di-Daerah Brunei dan Muara telah di-adakan pada malam Ahad lalu bertempat di-Perkarangan Balai Bomba Muara. Musabaqah tersebut ia-lah bagi memileh wakil bagi pasokan itu ka-musabaqah perengkat akhir antara Jabatan2 Kerajaan yang di-jangka akan berlangsong pada bulan depan.

Peraduan yang di-anjorkan bagi kali ka-lima-nya itu telah di-rasmikan oleh ahli Yang Berhormat, Dato Paduka Hj. Othman bin Bidin. Di-samping itu, satu sharahan khas telah di-sampaikan oleh Pegawai Ugama, Ustaz Sharbini bin Haji Mohd Tahir.

Daripada tujoh ... peserta yang meng... bahagian dalam per... itu dua orang tela... pileh mewakili jaba... Mereka ia-lah Awang ... dup bin Haji Abd R... dan Awang Hashim ... Haji Hassan.

Menyerikan pera... pada malam itu ia-lah ... persembahan nashid ... pada anak2 anggota ... kan bomba. Kira2 ... orang telah hadhir ... nyaksikan peraduan ... sebut. Doa selamat ... di-bachakan oleh ... Masjid Setia Ali, ... Muara. — JAL.

## Peserta Muallaf

TEMBURONG. — Sa-ramai 16 orang peserta Muallaf dari ka-empat2 daerah di-negeri ini akan turut mengambil bahagian di-dalam peraduan membacha dan hafadz ayat2 suchi Al-Kor'an (ayat2 lazim), perengkat negeri yang di-jadualkan akan berlangsong di-sini pada hari Ahad 15hb Mei depan.

Demikian di-jelaskan oleh salah sa-orang juruchakap Yunit Khas Gerakan Dakwah Islamiah Daerah Temburong yang menganjorkan peraduan tersebut ketika kami hubongi baru2 ini.

Peraduan perengkat awal, menurut beliau, di-adakan di-setiap daerah bagi memileh empat orang peserta (dua orang peserta lelaki dan perempuan di-dalam bahagian membacha dan bilangan yang sama di-dalam bahagian hafadz), untok menyertai peraduan perengkat akhir itu kelak.

Di-antara sharat yang di-kenakan oleh pehak penganjor kapada peserta di-dalam peraduan yang di-khususkan bagi saudara2 baru Islam ini ia-lah mereka hendak-lah berada di-negeri ini sa-chara tetap sekurang2-nya sa-lama enam bulan dan berumor 15 tahun ka-atas bagi peserta lelaki dan bagi peserta2 perempuan pula ia-lah 13 tahun ka-atas. — SL.

## Ka-Filipina

MUARA.—Sa-ramai 12 orang pegawai dan kira2 100 orang anak2 buah tiga bot peronda Angkatan Laut Askar Melayu Diraja Brunei telah berlepas meninggalkan negeri ini ka-Filipina untok membuat lawatan muhibbah ka-negeri tersebut Khamis lepas.

Bot2 tersebut, KDB Waspada, Pejuang dan Seteria, semasa di-dalam pelayaran ada-lah di-bawah pemerentahan Mejar John Martin.

## LIGA HOKI

GADONG. — Perlawanan akhir Liga Hoki Pasokan Polis Diraja di-jadualkan berlangsong minggu akhir bulan ini bertempat di-Stadium Hassanal Bolkiah di-sini.

Liga yang di-anjorkan oleh majlis sokan pasokan tersebut ada-lah antara chawangan Polis Diraja bagi merebut piala yang di-sumbangkan oleh salah sa-orang pegawai kanan di-pasokan tersebut.

Sa-banyak lima pasokan menyertai dalam perlawanan tersebut dan perlawanan pada hari Rabu minggu lalu ada-lah di-antara pasokan chawangan Bandar Seri Begawan dengan chawangan Belait.—AHS

## Angka tunjok harga barang2 bulan Mach

BANDAR SERI BEGAWAN. — Angka tunjok harga barang2 pengguna untok bulan Mach, 1981 telah meningkat sa-banyak 0.8 peratus kapada 126.0 mata jika di-bandingkan dengan bulan yang terdahulu, ia-itu Februari, 1981. Angka tunjok bulan ini juga ada-lah 8.6 peratus lebeh tinggi apabila di-bandingkan dengan angka tunjok bulan Mach, 1980.

Kenaikan yang agak tinggi pada angka tunjok bulan ini dari angka tunjok bulan yang terdahulu ada-lah di-sebabkan oleh kenaikan angka tunjok kumpolan2 'Barang2 dan Perkhidmatan2 Rampaian' (+7.1), di-ikuti oleh 'Pakaian dan Kasut, dll.' (+2.7), 'Alat Perabot, Perhiasan2 dan Alat2 Kelengkapan Rumahtangga serta Pemasangan-nya', 'Pengangkutan dan Perhubongan' dan 'Permainan, Hiboran, Pelajaran dan Perkhidmatan2 Kebudayaan' yang masing2 telah meningkat sa-banyak 0.3 peratus, sementara itu 'Makanan' pula telah turun sa-banyak 0.5 peratus. Angka tunjok kumpolan 'Sewa Kasar, Bahan Api dan Tenaga' maseh tetap tidak berubah di-dalam bulan ini.

Barang2 yang menyebabkan naik-nya angka tunjok bulan ini ia-lah berbagai jenis rokok, tembakau dan minuman keras, minyak petrol, alit mata, akhbar harian 'Straits Times', kain2an, selipar jenis Scholl, alat perabot kayu, penchegah kuman KIWI, buah2an, daging kambing beku, mentega dan aji-nomoto. Kenaikan ini telah di-imbangi sedikit oleh kejatohan harga2 berbagai jenis ikan dan sayor2an, udang galah dan keripik ubi kentang.

## Ka-Timor Tengah



PENASEHAT dan Ketua Pentadbir Sekolah Tabika Nusa Laila Puteri Haji Pengiran Amir Mohd Yussof bin Pg Abbas Al-Haj (atas) akan berangkat sambil belajar sa-lama tiga minggu ka-negara-negara Timor Tengah: Cairo, Universiti Madinah, Jeddah dan di-Madrasah Darul Ulum Addiniyah, Mekah, Saudi Arabia. Tujuan lawatan beliau ia-lah untok mempelajari hal-ehwal pendidekan dan pelajaran ugama Islam yang terdapat di-sana.

## Pertandingan Al-Kor'an Brunei Empat

SUNGAI BESAR. — Pertandingan membacha Al-Kor'an perengkat dewasa bagi kawasan Brunei IV yang di-anjorkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama di-jangka akan di-adakan pada 8hb. Mei depan bertempat di-Kampong Sungai Besar mulai jam 8.00 pagi.

Kampong2 yang terlibat dalam kawasan Brunei IV ini termasok-lah Kampong Sungai Besar, Mentiri, Sungai Buloh, Batu Marang, Kapok, Sabun, Serasa, Pekan Muara, Masjid Lama, Pelumpong, Tanah Jambu, Salambigar, Sungai Hanching, Sungai Tilong, Sungai Akar, Anggerek Desa, Madang, Manggis, Delima Satu, Delima Dua, Pancha Delima, Orang Kaya Besar Imas, Burong Pinggai, Perpindahan Berakas, Lambak, Istana Tetamu, dan Bolkiah Kem.

Pengerusi Peraduan, Pg. Merali bin Pengiran Ismail berkata, orang ramai daripada kampong2 yang terlingkong dalam kawasan itu yang berhajat menyertai peraduan tersebut boleh mendapatkan borang2 penyertaan daripada Pejabat Kadhi, Daerah Brunei dan Muara; Guru Besar, Sekolah Ugama Sungai Besar atau Pemangku Imam Kampong Sungai Besar. Tarikh tutop penyertaan ia-lah 30hb. April, 1981. — JAL

## Kuiz Keselamatan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu peraduan kuiz Keselamatan Jalan-raya antara sekolah2 dan maktab2 seluroh negeri akan di-adakan pada bulan Ogos dan September tahun ini. Kuiz ini di-anjorkan oleh Majlis Keselamatan Jalan-raya Negeri Brunei.

Sekolah2 dan maktab2 yang hendak menyertai peraduan tersebut boleh-lah mendapatkan borang2 penyertaan daripada Setiausaha Majlis Keselamatan Jalan-raya Negeri Brunei, di-alamat Pejabat Pengangkutan Darat, Jalan Gadong atau kapada Penyusun Latehan Kesenian, Jabatan Pelajaran, di-ibu negeri.

Tarikh tutop penyertaan ia-lah pada 30hb. Mei, 1981. —JAL.

## Projek Bangunan Saiful Rizal

KILANAS. — Lima orang penuntut dari Bahagian Pemasangan Bata, Sekolah Bangunan Sultan Saiful Rizal di-Jalan Muara, berserta dengan empat orang guru yang di-ketuai oleh Awang John Finn, baru2 ini telah melaksanakan satu lagi projek kebajikan yang di-adakan bersempena dengan Tahun Antarabangsa Bagi Orang2 Chachat.

Projek tersebut ia-lah bagi menyemen lantai di-bahagian bawah rumah sa-orang buta, Awg. Rashid bin Haji Karim, dan juga mengganti tangga dan membersehkan di-sekitar kawasan rumah beli... Kampong Kilanas, ... sembilan batu dari ... negeri.

Ini ada-lah projek ... tiga yang di-usah... sempena Tahun A... bangsa Bagi Orang2 C... chat, atas inisiatif Jab... Kebajikan Belia dan ... kan itu, yang be... akhir bulan Mach ... dan telah siap di-laks... kan pada 6hb. April ... han2 yang di-perluka... gi menjayakan projek ... sebut telah di-sed... oleh Jabatan Kebaj... Belia dan Sokan dan ... kolah Bangunan S... Saiful Rizal, Jalan M... — AP

## Buku Panduan Talipon




BANDAR SERI BEGAWAN. — Ada-lah di-maalomkan kapada orang ramai bahawa buku Panduan Talipon Negeri Brunei keluaran tahun 1981 (gambar atas) telah di-edarkan pembahagian-nya mulai hari ini, 15hb. April, 1981.

Bagaimana pun, juruchakap jabatan Talikom menyatakan pelanggan2 yang ingin mengambil Buku2 Panduan Talipon tersebut hendak-lah membawa bersama mereka poto... panduan2 kelayakan ... ka 5 di-buku Panduan ... lipon keluaran 1980).

Buku2 Panduan T... pon bagi pelanggan ... Daerah Brunei dan M... boleh di-dapati di-Pe... Perdagangan Tali... Bandar Seri Begawan ... mentara bagi pela... di-Daerah2 Belait, T... dan Temburong ... mendapatkan-nya di-... tan2 Talikom di-... masing2.—JAL

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.